

TAHUN
KE 2



KLUANG
AMKATAN
MAHDHATUL
ISLAM
BERSAMA
BINA

Muharram, 1407/September 1986

NOMBOR

13

AL-HUDA

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM



Masjid Besar, Sarikel.



YANG DIPERTUA BESERTA AHLI-AHLI
JAWATANKUASA TERTINGGI DAN PENERUSI BESERTA AHLI-AHLI
JAWATANKUASA CAWANGAN-CAWANGAN
DARIPADA ANGKATAN NAHDHATUL ISLAM BERSATU (BINA)

dengan ini mengucapkan

"SELAMAT TAHUN BARU, 1 MUHARRAM, 1407 Hijriah."

KEPADA SELURUH AHLI BINA
KHASNYA DAN
KEPADA SELURUH UMMAT ISLAM 'AMNYA

SEMOGA TAHUN BARU HIJRIAH KALI INI
DAPAT MENGHEMBUSKAN ANGIN BARU
YANG LEBIH SEGAR KEPADA PERJUANGAN KITA
BERSAMA DALAM MENEGAKKAN KALIMAH
TAUHID DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI AJARANNYA.

SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA
MEREDHAI KITA SEMUA,
AMIN!

Ibu Pejabat BINA,
Jalan Datuk Patinggi Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching.

PENGURUSAN

Penasihat:
USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET
Pengarah:
TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM
Timbalan Pengarah/Ketua Unit Penerbitan:
HASAN HAJI HAMZAH
Ketua Unit Pengedaran:
IDRIS BOHARI
Ahli Unit Pengedaran:
USMAN HJ. AFANDI
Rekabentuk:
BUJANG JENAL

ANGGOTA PENGARANG

Ketua Pengarang:
USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD
Penolong Ketua Pengarang:
USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU
BAKAR
Sidang Pengarang:
— USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR
— USTAZ SYED MUHAMAD ALWI
AL-ATTAS
— DR. WAN ALI TUANKU MADHI
— USTAZAH ROHANI BINTI AWI
— USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN

KANDUNGAN

SELAMAT TAHUN BARU 1 MUHARRAM, 1407 H. (DARI JUMAAH JAWATAN KUASA BINA).....	1
TAHUN BARU UMMAT ISLAM	3
SETAHUN "AL-HUDA"	10
SELAMAT TAHUN BARU 1 MUHARRAM, 1407 H (DARI SIDANG PENGURUS DAN SIDANG PENGARANG)	13
BERSATU DAN BERCANTUM	14
MIMBAR HADIST	19
HAKIKAT IMAN	23
AMAR MAKRUUF, NAHI MUNKAR	28
AL-QURAN MENURUT PANDANGAN ORANG BARAT	33
ISLAM DI AMERIKA	39
DUNIA AKHIRAT SAMA PENTING	42
HAJJI (SAMBUNGAN DARI KELUARAN YANG LALU)	45
MUTIARA HIKMAT	55

PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Muslimin dan Muslimat sekalian;


Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalu-alukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membiayai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit rasmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
Ibu Pejabat BINA,
Jalan Tun Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.
Pengarah



para Khulafaurrasyidin hendaklah diikuti oleh kaum Muslimin, sebagaimana diarahkan oleh Rasulullah (s.a.w.) sendiri dalam hadis beliau:

عليكم بسنتي وسنة الخلفاء

الراشد بين المهديين من بعدي

(الحدِيث)

yang bermaksud:-

“Hendaklah kamu ikuti sunnahku dan sunnah daripada Khulafaurrasyidin al-mahdiyin, yang memegang pimpinan sesudahku.”

Khulafaurrasyidin al-mahdiyin, ertinya para khalifah yang dipimpin dan mendapat pertunjuk daripada Allah dan Rasul, Muhammad s.a.w.

Maka pemakaian atau penggunaan tarikh penanggalan (kalendar) HIRIAH itu oleh umat Islam adalah mengikuti sunnah yang dapat diiktiraf dalam rangkaian ibadah. Jadi tidak sepatutnyalah, jika diantara umat Islam ada yang mau mengabaikannya.

2. DASAR PENETAPAN KALENDAR

Amirul Mu'minin, Khalifah Umar bin Khattab, telah memilih peristiwa Hijrah Nabi dari Makkah ke Madinah sebagai dasar penetapan kalendar, bukan tarikh kelahiran Nabi sendiri. Sebab HI-

JRAH itu merupakan satu “tonggak” sejarah yang sangat penting dan sangat berkesan dalam rangkaian perjuangan menegakkan dan mempertahankan kesucian Islam diatas dunia ini. Ianya lebih penting daripada sekedar memperingati dan merayakan hari kelahiran seorang pemimpin yang diagung-agungkan. Rasulullah (s.a.w.) sendiri telah melarang ummat menyanjung dan mengagung-agungkan beliau secara berlebihan, sebagaimana hadisnya yang diriwayatkan oleh Bukhari daripada Umar:-

لا تطروني كما طرت النصارى

عيسى ابن مريم

إيماناً عبداً فقولوا!

عبد الله ورسوله .

Maksudnya:-

“Janganlah kamu menyanjungku berlebihan (mendewakan), sebagaimana orang-orang Nasrani menyanjung (mendewakan) Nabi 'Isa bin Maryam. Hanya sesungguhnya aku ini seorang hamba. Katakanlah olehmu (tentang diriku): hamba Allah dan RasuLNYA.”

Sebab itu Khalifah Umar sangat keras menentang usul atau cadangan daripada salah seorang

sahabat supaya hari kelahiran Nabi Muhammad dijadikan dasar perhitungan tahun yang baru. Beliau khawatir, kalau-kalau umat di belakang kelak akan merayakan tahun baru dengan meniru cara-cara yang diamalkan oleh umat Kristian.

Bersempena dengan perasmian pemakaian TAHUN HIJRAH itu, Amirul Mu'minin Khalifah Umar bin Khattab berkata:-

الهِجْرَةُ فُرِّقَتْ بَيْنَ الْحَقِّ
وَالْبَاطِلِ، فَأَرْخُوها .

Maksudnya:-

"Peristiwa HIJRAH telah memisah antara yang HAK dan yang BATIL, maka jadikanlah sebagai tarikh penanggalan (kalendar)."

Maka, walaupun ada diantara bangsa didunia ini yang belum mengenal dan belum tahu akan kalendar Hijriah ini, sedangkan kita umat Islam perlu berhubungan surat menyurat dengan mereka, maka tidak ada salahnya kita

tuliskan juga dibawah tarikh hijriah itu ialah tarikh masehi, umpamanya:-

Kuching, 1 Muharram, 1406H

5 September, 1986M

atau anak kita bernama Faridah, lahir pada hari Jumaat, 1 Muharram, 1406, bersamaan dengan 5 September, 1986 dan sebagainya.

3. PERHITUNGAN BULAN

Satu tahun Hijriah terdiri dari 12 bulan, sebagaimana tahun Masehi juga mempunyai 12 bulan.

Sebenarnya ketentuan 12 bulan ini sudah sedia ada didalam Al-Quran, pertunjuk dari Allah SWT. sendiri, tersebut pada Surah Attaubah, ayat 36, yang bermaksud:

"Sesungguhnya bilangan bulan disisi Allah ialah 12 bulan ..."

Perhitungan bulan daripada tahun Hijrah didasarkan kepada peredaran bulan (qamar) itu sendiri. Sebab itu tahun hijriah dipanggil juga dengan tahun qamariah.

ADAPUN PERISITWA HIJRAH SECARA FISIK YANG DIIKTIRAF SEBAGAI SATU MONUMENT SEJARAH ISLAM YANG TAK DAPAT DILUPAKAN ITU HANYA TERJADI SATU KALI, IALAH HIJRAH RASULULLAH SAW BESERTA PARA SAHABAT DARI MAKKAH KE MADINAH.

Adapun nama-nama bulannya adalah sebagai berikut:-

Pertama:	Muharram	=	مُحَرَّمٌ
Kedua:	Safar	=	صَفَرٌ
Ketiga:	Rabi'ul-awal	=	رَبِيعُ الْأَوَّلِ
Keempat:	Rab'ul-akhir	=	رَبِيعُ الْآخِرِ
Kelima:	Jamadil-awal	=	جَمَادِ الْأَوَّلِ
Keenam:	Jamadil-akhir	=	جَمَادِ الْآخِرِ
Ketujuh:	Rajab	=	رَجَبٌ
Kelapan:	Sya'ban	=	شَعْبَانٌ
Kesembilan:	Ramadhan	=	رَمَضَانٌ
Kesepuluh:	Syawwal	=	شَوَّالٌ
Kesebelas:	Dzulqaidah	=	ذُو الْقَعْدَةِ
Keduabelas:	Dzulhijjah	=	ذُو الْحِجَّةِ

Jumlah hari setiap bulannya berkisar antara 29 dan 30. Tidak ada yang 31, dan juga tidak ada yang 28.

Berbeza dengan tahun masehi,

yang didasarkan kepada perjalanan matahari, (syams), hingga ia disebut juga dengan tahun syamsiah, nama-nama bulannya: Januari, Februari, March, April,

May, June, Julai, Ogos, September, Oktober, November dan Disember. Jumlah hari setiap bulannya berkisar antara 30 dan 31, sementara bulan Februari adakalanya 28 dan adakalanya 29. Disebut tahun Masehi, oleh kerana kononnya ia didasarkan kepada hari kelahiran daripada Al-Masih (Jesus).

Dengan demikian, maka jumlah hari daripada tahun Hijriah dan tahun masehi berbeza kurang lebih 11 hari setiap tahunnya.

Didalam Al-Quranulkarim, Surah Al-Kahfi, ayat 25, terdapat petunjuk tentang perbezaan tahun tersebut, iaitu, ketika Allah SWT. menerangkan berapa lamanya "Ashabul Kahfi" itu diam didalam gua, disebutkan, bahwa mereka diam didalam gua itu selama 300 tahun (menurut perhitungan tahun syamsiah), dan ditambah dengan 9 tahun (atau 309 tahun, menurut perhitungan tahun gamariah). Keterangan Al-Quran ini memperkuat-perhitungan ahli falak.

4. HIJRAH

Sungguh tepat sekali tahun kalendar ini diasaskan kepada HIJRAH. Sebab HIJRAH itu merupakan satu peristiwa yang timbul daripada satu kezaman yang kuat dan satu tekad yang bulat bersumber daripada kekuatan AQIDAH ISLAMIAH. Sedang 'AQIDAH itu sendiri adalah merupakan asas

perjuangan hidup setiap Mu'min dalam mencapai tujuannya, ya'ni 'mardhatillah' (keredhaan Allah SWT.)

Hijrah artinya pindah atau berpindah:

- dari satu tempat yang sempit dan pengap kepada tempat yang lapang dan selesa:
- dari satu keadaan (situasi) yang kacau kepada keadaan yang aman; juga dapat bermakna:
- pindah dari sifat atau sikap yang buruk kepada sifat atau sikap yang baik.

Adapun peristiwa Hijrah secara fisik yang diiktiraf sebagai satu monument sejarah Islam yang tak dapat dilupakan itu hanya terjadi satu kali, ialah Hijrah Rasulullah SAW beserta para sahabat dari Makkah ke Madinah. Peristiwa ini layak sekali diulang-ulang membaca, mengikuti serta mengambil contoh tauladan daripadanya. Pada setiap tahun baru Islam, patut sekali ummat Islam mengadakan majlis-majlis ta'lim atau majlis ceramah dimana-mana tempat yang munasabah, guna mendengarkan semula uraian-uraian disekitar peristiwa bersejarah tersebut. Bahkan, kalau dapat secara audiovisual memakai alat-alat eelektronik moden.

Walaupun Hijrah secara fisik sudah berlalu, namun Hijrah dari segi mental masih terus digalak-

kan. Ummat Islam masih terus dikehendaki, supaya selalu mengoreksi diri dan terus membuat perbaik-perbaikan dan penyempurnaan-penyempurnaan terhadap segala kekurangan yang masih ada, baik pada diri sendiri, maupun pada tubuh kemasyarakatan. Demikian pula, hendaklah selalu berusaha membuat yang sebaik-baiknya dalam setiap urusan. Allah SWT. telah berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud:-

“Buatlah yang sebaik-baiknya, kerana Allah suka kepada orang-orang yang membaikkkan urusannya.”

Dengan demikian ummat Islam digalakkan supaya selalu berusaha untuk pindah dari keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. Ummat Islam hendaklah jujur, mau melihat kekurangan-kekurangan pada diri sendiri dan mau merobahnya dan membuat perbaik-perbaikan kepada yang lebih sempurna. Usaha menambah ilmu dan kecekapan disamping meningkatkan amal ibadah setiap hari adalah sebenarnya merupakan senarai bentuk hijrah mental.

Tindakan menukar sifat, sikap dan laku perbuatan diri daripada yang buruk dan tercela kepada yang baik dan terpuji, yang diredhai oleh Allah Ta'ala, adalah merupakan satu hijrah.

Dalam salah satu hadisnya Rasulullah s.a.w. bersabda:

المُهَاجِرُ مِنْ هَاجِرٍ
مَنْهِيَ اللَّهُ عَنْهُ .

(الحدِيث)

Maksudnya:-

“Orang yang berhijrah, ialah yang berpindah dari apa-apa yang dilarang Allah (kepada apa-apa yang diredhai-NYA)”

Segala contoh tauladan dan segala perintah dan anjuran yang berkenaan dengan HIJRAH ini perlu dijadikan ingatan oleh kaum Muslimin dimana saja mereka berada, kerana ianya boleh memberi semangat dan mendorong kepada perjuangan hidup kearah kemajuan dan kearah pencapaian derjat yang tinggi disisi Allah SWT.

5. MENGISI TAHUN BARU

Kehadiran tahun baru 1407 dengan munculnya bulan Muharram ini, sayugianya dimanfaatkan oleh segenap kaum Muslimin dengan berbuat amal dan usaha:

- Meningkatkan mutu keimanan, aqidah Islamiah, sehingga kuat dan kokoh serta tahan uji;
- Membersihkan amal ibadah sehari-hari, sesuai dengan ajaran Al-Quran dan Hadis

yang sah daripada Rasulullah SAW:

- c) Membiasakan serta men-disiplinkan diri hidup secara Islam, menurut nilai-nilai Akhlaulkarimah (akhlaq yang terpuji menurut Islam)
- d) Mengeratkan semula tali hubungan silaturrahim dan mengokohkan perpaduan Ummat.

Marilah kita menjadi "Khairul Ummah", ummat yang terbaik, sesuai

dengan kehendak Allah seperti termaktub dalam Surah Ali-Imran, ayat 110, yang bermaksud:-

"Kamu adalah ummat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan menegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah."

"Selamat tahun baru, 1 Muhar-ram, 1407H".

Disediakan oleh:

(HAJI HASANUDDIN ABU BAKAR)

Allah s.w.t. telah memberi ingatan kepada orang-orang yang beriman dan melarang mereka itu daripada mengharamkan diri daripada memakan makanan yang baik-baik lagi halal yang telah dikumiakan Allah untuk mereka yang sepatutnya mereka menikmati, kerana tinggi mutunya dan sedap pula rasanya. Memakan yang baik-baik lagi halal seperti daging, lemak dan lain adalah merupakan sebagai satu peraturan yang ditetapkan Allah keatas hamba-hambanya yang beriman. Orang-orang yang beriman tidak sewajarnya mengharamkan diri mereka daripada memakan makanan yang halal kerana mengharamkan diri daripada memakan makanan yang halal itu adalah menyalahi peraturan ilahi.

SETAHUN “AL-HUDA”



Sebahagian dari risalah AL-HUDA yang sudah diterbitkan.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته :

Saudara seiman dan secita-cita,
Dengan berakhirnya tahun hijrah 1406 cukuplah setahun umur “AL-HUDA”. Kita sedar, banyak yang belum sempurna, baik dari segi bentuk dan susunan, bahkan juga dari segi mutu daripada isi kandungannya. Bak kata orang tua-tua: “Umur masih setahun jangung, darah masih setampuk

pinang.”

Sebagai orang yang beriman tak layaklah kita menyesali segala kekurangan-kekurangan itu, sebaliknya marilah kita ambil hikmah dan pelajaran daripadanya, untuk kita jadikan pedoman dan pendorong semangat dalam usaha-usaha kita selanjutnya.

Tahun baru 1 Muharram 1407 adalah merupakan tahun kedua bagi “Al-Huda”. Ia terbit dengan nombor

13. Insyaallah "AL-HUDA" akan muncul dalam tahun ini setiap bulan sampai kepada nombor 24 pada bulan Dzulhijjah 1407. Doa restu dari para pembaca dan pencinta "AL-HUDA" sungguh sangat kami harapkan. Disamping doa restunya, maka kepada yang berkemampuan dan dan berkebolehan kami mengharapakan sumbangan-sumbangan berupa:

- a) buah fikiran yang membangun;
- b) artikel-artikel yang sesuai bagi pembentukan pribadi-pribadi yang sedang dan yang akan membangun.
- c) kewangan untuk membiayai penerbitan yang sekarang ini masih sangat terbatas.

Saudara,

Kehadiran "AL-HUDA" ditengah-tengah masyarakat pembaca dan pencintanya tidak hanya sebagai penambah bahan bacaan, penambah ilmu pengetahuan, tetapi juga adalah untuk sebagai media komunikasi antara kita, antara umat yang seiman. Komunikasi atau perhubungan, terutama perhubungan silaturrahim diantara sesama kita, adalah satu perkara yang sangat mustahak. Tanpa komunikasi, tanpa hubungan, tentu tak akan timbul kenal mengenal. Kerana tak kenal, maka tak cinta. Dalam masalah kenal mengenal ini, mungkin kita tidak dapat bertemu muka, disebabkan tempat yang berjauhan-jauhan. Tetapi Al-Quran dan sunnah Rasulullah yang telah diwariskan oleh Nabi kita, Muhammad s.a.w., adalah merupakan tali yang sangat kuat

untuk menghubungkan kita sesama umat Islam, tidak hanya umat Islam yang ada di Sarawak, bahkan umat Islam diseluruh dunia ini.

Saudara,

"AL-HUDA" tampil keribaan saudara menghantarkan isi kandungan dan pembahasan Al-Quran dan sunnah tersebut dengan segala kebijaksanaannya, BIL-HIKMAH WAL MAU'IZHAH.

Hati Muslim, hati yang bersih, hati yang sama menyerah kepada Allah Azza wa Jalla, tentulah akan menerima huluran tali itu dengan segala keikhlasan, kerana ianya dihantarkan dan dihulurkan oleh tangan yang berhati ikhlas pula. Para juru masak didapur Al-Huda dan para penating serta pelayannya, semua adalah tenaga-tenaga yang mengabdikan kerana Allah semata, dan jika ada sumbangan derma, maka ianya hanyalah digunakan untuk membiayai kelengkapan, percetakan, dan pengedarannya.

Saudara,

Bukankah kita sudah sama-sama berikrar, seperti mana yang selalu kita baca diwaktu sembahyang:


اِنَّ صَلَاتِي وَنَسْكَي وَمَحْيَايَ

وَمَمَاتِي لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ


"Sesungguhnya salatku, amal ibadatku, bahkan hidup dan matiku adalah bagi Allah, Pengendali seluruh alam."

Bermakna, apa saja yang kita kerjakan selama hayat dikandung badan, baik bidang ekonomi, politik dan

SELAMAT TAHUN BARU,
1 MUHARRAM, 1407 HIJRIAH



SIDANG PENGURUS DAN PENGARANG "AL-HUDA"
MENGUCAPKAN SALAM DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH
PEMBACA DAN "AL-HUDA" KHASNYA,
DAN KEPADA SELURUH KAUM MUSLIMIN DAN
MUSLIMAT 'AMNYA,




SEMPENA MENYAMBUT TAHUN
BARU HIJRIAH, 1 MUHARRAM, 1407.

SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA
MEMBUKA KEJAYAAN KEPADA KITA,
DENGAN SEMANGAT YANG BARU
BERJUANG MENUJU CITA-CITA.

INSYAALLAH.

BERSATU DAN BERCANTUM

OLEH:
MUNAWIR BIN ABDUL MAJID
UNIVERSITI ISLAM,
MADINAH MUNAWWARAH.



Bersatu dan berpadu akan didampingi kejayaan pada lapisan umat itu.

Bersatu dan bercantum adalah dua kalimah yang sering disebut oleh setiap lapisan umat Islam, baik pemimpin negara, alim ulama, para

pelajar mahupun orang biasa. Mereka selalu melaung-laungkan diatas pentas-pentas tempat belajar dan lain-lainnya. Bila disebut kalimah bersatu dan ber-

cantum tidak siapapun mengingkari bahwa dengannya adalah satu umat dan satu bangsa dapat mendaki tangga kejayaan dalam satu-satu urusan. Sebaliknya bila satu-satu umat dan satu-satu bangsa itu berpecah belah mereka sama sekali tidak akan dapat merasakan nikmat atau kejayaan dalam satu-satu urusan itu.

KENAPA MASIH BELUM BERSATU

Dua kalimat atau perkataan ini sangat senang disebut-sebut, tetapi amat sukar sekali untuk diamalkan atau disuruh beramal dengan apa yang dimaksudkannya, terutama dikalangan masyarakat kita hari ini khususnya dan umumnya umat Islam sehingga setengah orang telah hilang kesanggupan serta merasai lemah dan kaku dalam usaha untuk menghidupkan RUH perpaduan ini. Gagalnya perpaduan dan percantuman dalam masyarakat umat Islam hari ini adalah disebabkan oleh dua unsur penting yang berikut:-

1. Unsur dari luar. Iaitu per-satuan dan percantuman kita umat Islam telah dipermainkan dan diperlagagakan serta dijinjing dan diruntuhkan oleh pihak musuh dan lawan. Pemikiran umat Islam hari ini telah diracuni dalam segenap bidang, seperti kebudayaan, adat resam dan sebagainya. Tata hidup mereka telah disaduri beberapa warna yang menakjubkan yang menyebabkan mereka

tidak pandai untuk membezakan antara yang asli dan yang saduran dan di antara yang berguna dan yang tidak berguna, malah mereka telah terjun, bulat-bulat dalam cara hidup umat yang bukan Islam.

2. Unsur dari dalam. Iaitu kebanyakan orang-orang Islam kita sendiri terlampau mendewa-dewakan hawa nafsu dan terlampau mengutamakan kepentingan diri sendiri sehingga mereka masing-masing membawa teori hidup yang tidak berdasarkan Islam yang mulia. Mereka lupa pada perjanjian Tuhan Yang Maha Agung. Oleh itu dengan sendirinya terpecahlah mereka kepada beberapa golongan yang berlainan corak dimana masing-masing menyangka bahawa golongannya yang betul disamping mencari jalan untuk meruntuhkan pihak yang lain. Firman Allah didalam Al-Quran:-

وان هذا ما متكم امة واحدة
وانا ربكم فاتقون فتقطعوا امرهم
بينهم زورا، كل حزب بما لد بيهم
فرحون فذرهم في غمرتهم
حتى حين . . .
(المؤمنون : ٥٢، ٥٣، ٥٤)

Maksudnya:-

Sesungguhnya umat ini adalah umat kamu yang satu dan aku adalah Tuhanmu, maka hendaklah kamu bertakwa kepadaku. Maka mereka itu

berpecah belah diantara mereka sehingga jadilah mereka itu beberapa puak yang masing-masing puak itu suka bermegah-megah dengan puaknya sendiri. Maka tinggalkanlah mereka (wahai Muhammad) didalam kejahilan dan ke-degilan sehingga sampai masa diturunkan azab.

(S:23; A:52-54)

DASAR ISLAM

Islam menyeru dan mengajar penganut-penganutnya supaya bersatu dan bercantum kerana memang setiap orang manusia itu adalah satu jujuk atau satu anggota yang berhubung rapat dengan perhimpunan bangsanya, serta tidak dapat dipisahkan dari tabiat (perangai) bangsa itu. Maka tiap-tiap satu anggota mahu tidak mahu pastilah mengambil habuannya masing-masing dalam perhimpunan bangsanya.

Ajaran Kitab dan Sunnah adalah tidak terbatas kepada seseorang yang tertentu atau kepada satu golongan yang terhad, bahkan meliputi seluruh umat dalam semua peringkat. Disamping itu kita hendaklah sedar bahawa tata hidup ummat Islam adalah berdasarkan perpaduan dan masing-masing merasa bertanggungjawab terhadap satu sama lain. Sebab itulah dalam solat kita di suruh berkata:-

• **أَيُّكَ نَعْبُدُ وَأَيُّكَ نَسْتَعِينُ**

Maksudnya:

“Engkaulah (Ya Allah!) yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami

memohon pertolongan.”

laitu dengan menggunakan lafaz “kami” yang menunjukkan umum.

Tidak boleh kita berkata:-

• **أَيُّكَ أَعْبُدُ وَأَيُّكَ أَسْتَعِينُ**

Yang maksudnya:-

“Engkaulah (Ya Allah!) yang aku sembah dan kepada Engkaulah aku memohon pertolongan.”

laitu tidak boleh menggunakan perkataan “aku” kerana “aku” itu khusus untuk diri sendiri sahaja, bukan untuk umum.

PERANGAI JAHILIYYAH

Manusia dizaman jahiliyyah hidup dalam keadaan berpecah belah dan tidak ada peraturan yang sihat dalam hidup. Mereka meraba-raba dalam kejahilan dan boleh dikatakan sangat mengutamakan diri sendiri dan perkara-perkara yang memuaskan hawa nafsu. Dalam hal yang begitu dahsyat, datanglah Islam membuka rangkup kejahilan mereka supaya mereka keluar menuju arah hidup yang mempunyai peraturan yang cukup sihat dan sempurna. Kebanyakan manusia dari golongan bawahan di masa itu telah menerima dasar dasar Islam untuk dijadikan dasar hidup mereka, tetapi golongan atasan terutamanya peribumi-peribumi yang telah lama bertapak dimasa itu terus membangkang, melawan dan berusaha mencari helah supaya orang-orang yang

dibawah mereka tetapi taat setia kepada mereka dengan tidak berbelah bagi, sehinggakan mereka sanggup menuduh Rasulullah (s.a.w.) dengan berbagai tuduhan dan berani pula mengubah ayat-ayat (tanda-tanda) yang membuktikan kebenaran Islam. Itu adalah tidak lain kecuali untuk memuaskan hawa nafsu mereka serta sayang pada pangkat dan pujaan orang ramai kepada mereka. Mereka tidak mahu tunduk kepada kebenaran walaupun telah nyata kebatilan mereka. Juga semata-mata mencari kepentingan sendiri tanpa memperdulikan kepentingan orang ramai.

ILMU TANPA AKHLAK

Rasulullah (s.a.w.) selalu menjaga dan mengawasi ummatnya dari bahaya ilmu yang tidak memberi manfaat, sebagaimana sabdanya:-

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ بَعْدِي
مُنَافِقٌ عَلَيْهِمُ اللَّسَانُ .

(الحديث)

Maksudnya:

"Sesungguhnya perkara yang aku sangat bimbang terhadap kamu yang ada selepas aku ialah yang bersifat munafik serta bijak bercakap."

(Al-Hadis)

Ya! Hati yang kotor itu selalu mengagungkan ilmu sebagai senjata untuk mencari keuntungan dirinya, biar-

pun orang ramai rugi "binasa" dan masyarakat hancur lebur. Itulah unsur-unsur utama yang menyebabkan jahanamnya kesatuan ummat Islam dan kesatuan sebuah masyarakat sejak dahulu hingga kehari ini. Allah Taala telah berfirman yang bunyinya:-

Maksudnya:-

وَمَا تَفَرَّقُوا إِلَّا مِنْ بَعْدِ

مَاجَا هُمْ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ .

(الشورى : ١٤)

"Dan tidaklah mereka berpecah belah kecuali setelah mereka mempunyai ilmu pengetahuan lantaran berhasad diantara mereka."

(S:24; A:14)

Berselisih faham dalam satu-satu masalah dan berlainan pendapat itu bukanlah satu perkara yang dianggap luar biasa dalam peraturan hidup ummat Islam, dan bukanlah salah satu sebab asasi yang membawa kepada berpecah-belah dan bermusuhan diantara satu golongan dengan satu golongan yang lain, tetapi yang membawa kepada perpecahan dan permusuhan itu adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang lain, antaranya:-

1. Membelakangi ajaran Islam serta menggunakan ilmu pengetahuan tanpa akhlak dan ikhlas. Dengan itu timbullah perasaan degil sambil mencari jalan sedaya upaya untuk memenuhi kehendak hawa nafsu, walaupun kedegilan-

nya itu telah nyata salah dan jauh dari hakikat yang sebenarnya.

2. Bila berselisih faham dan berlainan pendapat dalam satu-satu masalah itu boleh membawa kepada rusaknya agama Allah dan rusaknya perpaduan ummat Islam. Maka dianggap mereka sudah terasing dari golongan itu.

Kalau ummat Islam hari ini benar-benar sedar akan keadaan ini dan benar-benar bercita-cita untuk kembali bersatu dan bercantum, juga ingin menyambung kembali keratan-keratan yang telah dicincang itu, marilah kita undur setapak dari apa yang kita ada

sekarang ini kemudian kita segera membawa langkah-langkah baru menuju kearah persatuan dan percantuman yang letaknya dibawah bayangan Al-Quran dan Al-Hadis, dengan berjalan terus diatas landasan-landasan agama Islam yang sebenar serta patuh kepada tanda-tanda atau lampu-lampu isyarat yang tertentu dikiri kanan jalan dan disegenap persimpangannya semoga dengan itu Insyallah, tidak lama kita akan sampai ke tempat yang dikehendaki dalam keadaan selamat dan bahagia.

Wabillahit Taufiq Wal Hidayah.

RANGKUMAN DOA

DO'A SEBELUM BERWUDLU'

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي. وَوَسِّعْ لِي فِي دَارِي وَبَارِكْ لِي فِي رِزْقِي.

Allaahummaghfir lii dzambii, wa wassi'lii fii daari', wabaarik lii fiik rizki.

Ertinya:-

"Ya Tuhanku! Ampunilah dosaku dan lapangkanlah rumahtanggaku dan berkahilah bagiku dalam rezkiku."

(Hadis riwayat Ibnu Sunny)

MIMBAR HADIST

عن جابر رضي الله عنه قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا خطب اجمرت عيناه وعلاموته وأشد غضبه حتى كأنه منذر جيش يقول: "صبحكم ومساءكم"، ويقول: "بجئت أنا والساعة كهاتين" ويقرن بين أصبعيه السبابة والوسطى، ويقول: "أما بعد فإن أصدق الحديث كتاب الله وخير الهدي هدي محمد (صلى الله عليه وسلم) وشرا الأمور محدثاتها، وكل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة" ثم يقول: "أنا أولى بكل مؤمن من نفسه، من ترك ما لاهله، ومن ترك ديناً أو ضياعاً فإني وعلي".

(رواه مسلم وغيره).

Artinya:

Dari Jabir bin Abdillah r.a., katanya: Pernah Rasulullah s.a.w. apabila berpidato merah matanya, lantang suaranya, dann bersangatan marahnya, sehingga seolah-olah baginda seperti seorang pemerintah tentera yang memberi peringatan kepada asykar; bahawa musuh akan datang menyerang kamu pada pagi-pagi hari dan mungkin pula pada waktu petang, kemudian baginda bersabda: "(Masa) aku diutuskan dan masa berlakunya kiamat, seperti dua jari ini," dimana

baginda mendekatkan telunjuk dan jari tengahnya, lalu baginda bersabda lagi: "Adapun kemudian dari itu, ketahuilah, bahawa sebenar-benar perkataan ialah kitab Allah, dan sebaik-baik pimpinan ialah pimpinan Muhammad (s.a.w.) dan (sebaliknya) sejahat-jahat perkara ialah perkara-perkara baru yang diadadakan (dalam agama), sedang tiap-tiap perkara baru yang diadadakan itu adalah bida'ah, dan tiap-tiap bida'ah itu adalah sesat."

Kemudian baginda bersabda lagi: "Aku berhak menolong setiap orang

mukmin lebih daripada ia menolong dirinya sendiri. Barangsiapa mati meninggalkan harta benda, maka harta itu adalah hak warisnya, dan barangsiapa

meninggalkan hutang, atau sesuatu yang terbiar, atau terlantar, maka urusannya menjadi bebanku dan akulah yang berhak menyelesaikannya."

(Hadis riwayat Muslim dan lain-lain)

Kandungan Hadis:-

1. Gaya Rasulullah s.a.w. semasa berpidato.
2. Jarak antara hidup beliau dengan kedatangan hari kiamat nanti.
3. Kitab Allah ialah sebenar-benar perkataan, dan pimpinan Rasulullah s.a.w. ialah sebaik-baik pimpinan.
4. Perkara-perkara baru yang diadakan dalam agama adalah seburuk-buruk perkara.
5. Hubungan Rasulullah s.a.w. dengan orang-orang mukmin.

Pertama:

Gaya Rasulullah s.a.w. semasa berpidato.

Tabligh (tugas menyampaikan perintah agama) adalah tugas pokok daripada Rasulullah s.a.w., manakala pidato adalah salah satu cara baginda dalam menjalankan tugas tabligh. Dengan pidato Rasulullah s.a.w. menyampaikan perkara-perkara yang mustahak dengan penekanan terhadap sesuatu yang penting diperhatikan oleh ummat.

Semasa berpidato, tergambar pada anggota lahir baginda kesungguhan hatinya serta keazaman beliau

yang kuat untuk menarik perhatian ummat yang hadir terhadap perkara-perkara yang hebat dan sangat penting, seperti kepastian berlakunya kiamat. Baginda melafazkan dengan suara yang lantang, dengan mata yang merah kelihatannya, seperti beliau marah nampaknya, laksana seorang panglima yang sedang menyampaikan perintah terhadap parajuritnya.

Keadaan yang demikian sangat perlu untuk menarik perhatian umum, kerana segala gerak gerak dan keadaan air muka pematik itu besar kesannya kepada pendengar.

Kedua:

Jarak antara masa baginda diutus dan saat berlaku kiamat: Meskipun masa berlakunya hari kiamat tidak ada siapapun yang mengetahuinya dengan tepat melainkan Allah, tetapi Rasulullah s.a.w. telah menerangkan secara umum bahawa masa berlaku kiamat itu telah hampir. Baginda membuat bandingan tentang kehampirannya itu, seperti hampirnya jari telunjuk dengan jari tengah, yakni antara dua jari itu tidak ada diselangi oleh jari-jari yang lain. Maka begitulah masa baginda diutus dengan masa berlaku kiamat,

tidak ada rasul yang membawa wahyu yang lain yang menyelenginya, atau masa berlaku kiamat dengan masa Rasul s.a.w. diutus adalah seperti dekatnya jari tengah dan jari telunjuk.

Ketiga:

Kitab Allah adalah sebenar-benar perkataan:

Benar: Berarti tepatnya sesuatu dengan keadaan yang berlaku. Ketepatan itu ialah apabila yang menyebut itu, mempunyai pengetahuan yang luas, meliputi segala hal, keadaan yang dinyatakan. Pengetahuan yang sedemikian tidak dipunyai melainkan oleh Allah s.w.t.

Kitab Allah (kitab suci Al-Quran) antara lain mengandungi kisah-kisah kejadian yang berlaku. Sama ada yang berlaku sebelum masa turunnya (semenjak zaman purba), ataupun yang berlaku kemudian daripada masa turunnya, hingga hari kiamat.

Mengenai perkara-perkara yang telah berlaku, Al-Quran telah menceritakannya dan telah terbukti dengan apa yang berlaku berdasarkan penyelidikan ahli-ahli sejarah. Demikian juga dengan kisah yang akan berlaku seperti kisah kemenangan bangsa Romawi atas bangsa Persia, dan kaedah-kaedah ilmu pengetahuan kedokteran, sains dan lain-lain yang terbukti kebenarannya oleh kajian ilmu sains masa kini.

Ini adalah diantara bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kisah dan

kejadian-kejadian yang tersebut didalam kitab Allah itu benar. Maka demikian juga dengan bahagian yang lain seperti hukum-hakam dan nilai-nilai akhlaq adalah benar dan tepat, kerana ilmu Allah meliputi segala ilmu pengetahuan dan terbukti kehebatannya dan kebagusannya.

Pimpinan Rasulullah (s.a.w.),

Nabi Muhammad s.a.w. diutus untuk memimpin ummat manusia kejalan yang benar, yang boleh menyampaikan kepada matlamat kebahagiaan sejati. Jalan pimpinan baginda adalah sebaik-baik jalan pimpinan, kerana pimpinan baginda adalah dengan panduan wahyu yang datang daripada Allah, Pencipta alam semesta yang Maha Mengetahui segala-galanya.

Keempat:

Perkara-perkara baru yang diadakan didalam agama.

Dimaksudkan dengan perkara baru yang diadakan dalam agama ialah perkara-perkara yang menyimpang dari maksud isi kandungan Al-Quran dan sunnat Rasul s.a.w.

Perkara-perkara baru yang demikian itulah yang disebut bid'ah. Maka sudah tentu ia tidak akan menyampaikan seseorang kepada matlamat kebahagiaan sejati. Kebahagiaan yang memang dikehendaki itu bukan sahaja dalam kehidupan dunia ini, semata-mata, bahkan yang terutama sekali ialah kebahagiaan di akhirat kelak. Dan jalan keakhirat itu tidak siapapun yang

mengetahuinya dan tidak akan berhasil dengan cara diagak-agakkan dan dikira-kira sendiri oleh sesiapa pun, melainkan dengan pimpinan dan pertunjuk daripada Al-Quran dan sunnah Rasulullah.

Rasulullah s.a.w. menerangkan: Setiap bid'ah itu sesat, dan setiap yang sesat adalah neraka tempatnya.

Kelima:

Keadaan Rasulullah s.a.w. dengan orang-orang mukmin.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa tiap-tiap orang adalah berhak menjaga keadaan diri sendiri, lebih dari orang lain, tetapi berbeza dengan Rasulullah s.a.w. yang merasa berhak menjaga keadaan setiap orang mukmin lebih daripada orang mukmin itu menjaga dirinya sendiri.

Dengan sifat sebagai pemimpin

agama, ummat dan negara berdasarkan wahyu dari Allah, baginda mencurahkan segala upaya, dan usahanya untuk kebaikan orang yang dipimpinya didunia dan di akhirat. Jauh sekali baginda melakukan kecuaiian dalam menjalankan tugasnya, dan beliau tidak pernah mendahulukan kepentingan peribadinya. Walaupun baginda berhak mendapat 1/5 dari ghanimah (harta rampasan perang) tetapi semuanya habis dibagikan sebelum pulang ke rumahnya.

Diantara cara baginda menjaga kebaikan orang-orang mukmin ialah kesanggupan beliau menjaga orang-orang yang kehilangan tempat bergantung, dan membayar hutang yang ditinggalkan oleh simati, yang tidak meninggalkan harta benda.

(SYED MOHAMMAD BIN ALWI)



MUTIARA KATA

Janganlah kamu bunuh anak-anakmu, kerana takut kemiskinan. Kami memberi rezekinya dan rezekimu. Sungguh membunuhnya itu suatu dosa besar.

SURAT ISRAA AYAT 31.

Jangan kamu mendekati zina, kerana ia suatu pekerjaan yang keji dan jalan yang amat jahat.

SURAT ISRAA AYAT 32.

Siapa yang taubat dan beramal saleh, maka taubatnya itu diterima Allah (hapus dosanya).

SURAT AL-FURQAN - AYAT 71.

HAKIKAT IMAN

Semua yang ada di alam ini adalah bukti yang jelas akan adanya Allah, Kitab suci Al-Quran al-Kariim seringkali mengajak kita untuk menyaksikan, meneliti dan memikirkan kenyataan ini. Allah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya pada langit dan bumi benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah untuk orang-orang yang beriman. Dan pada penciptaan kamu dan pada binatang-binatang yang melata yang bertebaran (di muka bumi) terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) untuk kaum yang menyakini, dan pada pergantian malam dan siang dan hujan yang diturunkan Allah dari langit lalu dihidupkannya dengan air hujan itu bumi sesudah matinya; dan pada perkisaran angin terdapat pula tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berakal."

(S 45:3-5)

Di dalam jiwa manusia itupun sudah tertanam benih keyakinan yang dapat merasakan adanya Allah. Rasa semacam ini sudah merupakan fitrah (semula jadi) yang diatas fitrah itulah Tuhan menciptakan seluruh manusia di alam ini, renungkanlah maksud firman Allah ini: "Maka hadapkanlah wajahmu

dengan lurus kepada agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah (itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu." S 30:30

Dan Allah berfirman yang bermaksud: "Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatupun ataukah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri)? Ataukah mereka telah menciptakan langit dan bumi itu?; sebenarnya mereka tidak meyakini (apa yang mereka katakan)." S 52:35-36.

Sehubungan dengan hal ini Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallama telah menyatakan:

كَلِّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ

(naluri beragamanya itu agama tauhid)."

Perasaan jiwa yang demikian akan terbangun dikala manusia itu tertimpa oleh sesuatu penggerak yang menyebabkan ia sedar, misalnya saja bila sedang mengalami kesakitan atau sedang menghadapi sesuatu bahaya yang timbul di sekelilingnya,

sebagaimana maksud firman Allah: "Apabila manusia ditimpa bahaya dia berdo'a kepada kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah kami hilangkan bahaya itu dari padanya, dia (kembali) melalui (jalannya yang sesat), seolah-olah dia tidak pernah berdo'a kepada kami untuk (menghilangkan) bahaya yang telah menyimpannya."

S 10:12

Hakikat zat Tuhan ini tak dapat diketahui, sebab memang fikiran manusia ini tak dapat sampai kepada persoalan itu, Allah berfirman yang bermaksud: "Dia tak dapat dicapai oleh penglihatan sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui." S 6:103

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallama bersabda yang bermaksud: "Fikirkan sajalah apa-apa yang diciptakan Allah

HAKIKAT ZAT TUHAN INI TAK DAPAT DIKETAHUI, SEBAB MEMANG FIKIRAN MANUSIA INI TAK DAPAT SAMPAI KEPADA PERSOALAN ITU, ALLAH BERFIRMAN YANG BERMaksud: "DIA TAK DAPAT DICAPAI OLEH PENGLIHATAN SEDANG DIA DAPAT MELIHAT SEGALA YANG KELIHATAN; DAN DIALAH YANG MAHA HALUS LAGI MAHA MENGETAHUI."

dan jangan kamu memikirkan tentang Zat Allah sebab kamu pasti tidak akan dapat mencapai tujuan itu."

Untuk dapat kita mengenal Allah, Al-Quran al-Karim telah menjelaskan tasawwur (gambaran) ketuhanan secara sempurna, tepat dan jelas yang tidak pernah kita dapati dalam apa-apa kitab yang pernah ada di alam ini dan dalam agama apapun, memang gambaran ketuhanan telah ada pada setiap umat dan agama di alam ini tapi ianya tidak benar atau tidak sempurna, sebab bagi mereka Tuhan hanyalah sebagai alat untuk menakuti, atau untuk memenuhi hajat dan memperkenankan permohonan, dan menurut sebahagian yang lain Tuhan dapat dipecah dan dibagi, sementara sebahagian yang lain menganggap Tuhan itu berbadan, menyerupai makhluk dan berketurunan dan menurut yang lain pula bahwa Tuhan-tuhan itu ada di langit dan sebahagiannya telah turun ke bumi menjelma menjadi manusia, dan hanya Al-Quran sahajalah satu-satunya kitab yang membetulkan gambaran-gambaran salah tadi dan keyakinan yang kurang itu akan ketuhanan, dan dialah yang telah mensucikan dan memuliakan ketuhanan.

Al-Quran telah menerangkan bahwa ILAH (Tuhan yang wajib disembah) mestilah Yang bergantung segala sesuatu kepada-Nya, Hidup kekal, terus menerus mengurus makhluk-Nya, tidak melahirkan dan tidak dilahirkan, Yang awal dan akan kekal abadi, Yang berkuasa mutlak, ilmu-Nya mencakupi

segala sesuatu, kasih-Nya menyebar untuk segala sesuatu, kekuatan-Nya mengungguli segala sesuatu, tak ada kekurangan dalam kebijaksanaan-Nya, tak ada cela dalam keadilan-Nya, Yang memberi kehidupan dan penghidupan, Yang memiliki semua kekuatan yang dapat memberi manfaat dan madharat, tempat berharap semua yang lain daripada-Nya, tempat kembali semua makhluk dan sebagai Pengira dan Pembalas keatas mereka.

Kemudian Al-Quran menjelaskan bahwa sifat-sifat ketuhanan itu tak boleh terpisah-pisah atau terbagi-bagi, kerana hal itu akan menimbulkan banyak tuhan dan tak boleh terikat dengan masa sehingga menimbulkan bentuk Tuhan untuk masa tertentu dan di masa yang lain tidak lagi menjadi Tuhan dan juga sifat-sifat itu tak boleh berpindah pindah sehingga menimbulkan kefahaman bahwa Tuhan boleh berganti-ganti dengan perpindahan sifat-sifat tadi.

Setelah itu Al-Quran menerangkan bahwa alam ini dengan segala yang ada di dalamnya tak memiliki ciri-ciri gambaran ketuhanan yang demikian sebab semuanya tunduk dan berharap kepada selain daripadanya, wujud untuk kemudian menghilang, tak mampu untuk mendatangkan manfaat dan menolak bahaya untuk dirinya apatah lagi untuk yang lain, sumber kekuatannya bukan pada dirinya sendiri melainkan ada pada-luar dirinya. Maka tak patut sifat ketuhanan itu untuk apa-apa yang ada di alam ini dari pada makhluk-

makhluk, melainkan hanya untuk satu zat sahaja, yang dikenal dengan "Allah" dan manusia diminta untuk tidak beriman kecuali kepadaNya sahaja, untuk tidak sujud melainkan hadapan-Nya sahaja, tidak mengagungkan kecuali Dia saja, tidak menggantungkan perasaan takut dan harap kecuali kepada-Nya, tidak memohon pertolongan melainkan hanya kepada-Nya, hanya kepada-Nyalah ia bertawakkal (berserah diri) dan hendaklah ia mengetahui dengan seyakinyakinnya bahwa ia akan kembali kepada-Nya dan akan diikira amal-amalnya dihadapan Tuhan dan apa yang akan ia dapati tak akan lari dari ketentuan Allah itu sendiri.

Jadi iman itu ialah membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan membuktikan dengan perlakuan anggota badan.

Ia merupakan kepercayaan yang meresap kedalam hati dengan penuh keyakinan, tidak bercampur syak dan ragu dan memberi pengaruh bagi pandangan hidup, tingkah laku dan perbuatan sehari-hari.

Ia bukan sekedar ucapan lidah, bukan sekedar perbuatan dan bukan pula hanya merupakan pengetahuan tentang rukun iman, Allah berfirman yang bermaksud: "Diantara manusia ada yang mengatakan." Kami beriman kepada Allah dan Hari kemudian, padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman, dan firman-Nya yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu

Allah, dan Allah akan membalas tipuan mereka. Dan apabila mereka berdiri untuk shalat mereka berdiri dengan malas. Mereka bermaksud riya' dengan shalat di hadapan manusia. Dan tidaklah mereka menyebut Allah kecuali sedikit sekali (S. 2:8-9) dan firman-Nya yang bermaksud: "Dan sesungguhnya sebahagian di antara mereka menyembunyikan kebenaran, padahal mereka mengetahui." S 4:142

Keimanan yang sebenarnya ialah kepercayaan atau keyakinan yang teguh yang tidak goncang oleh rasa bimbang dan ragu sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah

beriman hingga mereka menjadikanmu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kami berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya" (S 4:65) dan firman-Nya yang bermaksud: "Sesungguhnya jawaban orang-orang mu'min, bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan." "Kami mendengar dan kami patuh." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung (S 24:51) dan iapun (iman) mesti terpancar dalam akhlak yang baik dan amal yang berguna, Allah

DEMIKIANLAH KEIMANAN ATAU AQIDAH ITU TERHUNJAM KE DALAM HATI DAN MERESAP KE DALAM JIWA DAN SEMANGAT, IA MERUPAKAN KEBENARAN YANG TETAP, TIDAK ADA RAGU-RAGU.

orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar" (S 49:15) dan ia (keimanan) mesti diiringi dengan ketundukan hati, kepatuhan, kemahuan dan keredhaan menjalankan perintah dan putusan dengan jujur, sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak

berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, (yaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya, dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat, dan orang-orang yang menjaga kemaluannya." S 23:1-5

Demikianlah keimanan atau aqidah itu terhunjam ke dalam hati dan meresap ke dalam jiwa dan semangat,

ia merupakan kebenaran yang tetap, tidak ada ragu-ragu.

Orang yang mempunyai aqidah itu teguh pendiriannya, sebagaimana yang digambarkan dalam ucapan Nabi ketika ditawarkan kepada beliau bermacam-macam tawaran, dengan tujuan supaya berhenti dari menyebarkan aqidah Islam, beliau menjawab yang bermaksud: "Kalau sekiranya mereka meletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku, supaya aku tinggalkan apa yang aku kemukakan ini (Islam), niscaya aku tidak akan berhenti."

Orang yang mempunyai aqidah tak pernah merasa khawatir menghadapi berbagai kesulitan dan rintangan, bahkan sebaliknya sanggup menentang bahaya, menggoncangkan gunung dan bukit, menukar bentuk zaman, merubah jalan sejarah,

melenyapkan bimbang dan ragu, membangkitkan keyakinan dan keberanian, dan tidak tunduk melainkan kepada kehendak tujuan dan cita-cita, ini tergambar dalam ikrar yang selalu dilaungkan oleh para mujahid di setiap

masa dan zaman yang berbunyi:
Allah matlamat kami
Rasul ikutan (contoh) kami
Al-Quran perlembagaan kami
Jihad jalan kami
Mati di jalan Allah cita-cita kami.
Adakah kita bersama mereka?

Markas Bina Kuching

Sumber: Haqiqatul-iman oleh Maududi (majalah hadoratul-Islam Siriya th. 1980)

Iman dan kehidupan (Dr. Yusuf Al-Qardowy)

Al-Quran dan terjemahannya (terbitan pustaka antara)

عن أبي حمزة أنس بن مالك رضي الله عنه خادم رسول الله
صلى الله عليه وسلم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال :
" لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ "
رواه البخاري ومسلم

Dari Abi Hamzah Anas Bin Malik r.a. khadim Rasulullah Saw. dari Nabi Saw. bersabda: "Tiada beriman seorang kamu hingga ianya mencintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya" (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)..

BAHAGIAN TERAKHIR

AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR

Jihad membasmi kemunkaran:

Amar makruf-nahi munkar adalah satu perjuangan, yang menghendaki kekuatan hati, keteguhan pendirian. Pada umumnya menghadapi akibat dan bahaya, terutama jika berhadapan dengan kekuatan-kekuatan yang merupakan tembok tebal.

Dalam salah sebuah hadis diterangkan, bahawa Rasulullah pernah menceritakan kepada Abu Ubaidah tentang kisah pembesar-pembesar Yahudi yang pernah sekali gus membunuh empat puluh tiga orang Nabi yang melakukan amar makruf-nahi munkar terhadap mereka itu. Setelah pembunuhan beramai-ramai itu, tampil pula seratus tujuh puluh orang lagi yang menyeru kepada pembunuh-pembunuh tersebut supaya insaf dan sedar.

Tetapi barisan patah tumbuh hilang berganti yang seratus tujuh puluh orang itupun dibunuh pula semuanya oleh pegganas-pegganas Yahudi itu. Ini adalah sebuah lukisan dalam sejarah bagaimana akibatnya menjadi penegak kebenaran.

Walaupun tugas itu amat berbahaya, tetapi sangat mulia disisi Tuhan. Membasmi kemunkaran itu adalah satu jihad, satu perjuangan suci yang direhai Allah.

Dalam sebuah hadis dari Abu Ubaidah bin Al-Jarrah, Rasulullah pernah menyatakan:

Berkata Abu Ubaidah bin Al-Jarrah: "Saya bertanya: Ya Rasulullah! Pahlawan (Syuhadak) yang manakah yang paling mulia pada sisi Allah?" Rasulullah menjawab: "Laki-laki yang berdiri tegak terhadap Raja (penguasa) yang zalim). Kemudian disuruhnya pula Raja tersebut berbuat baik dan dilarangnya berbuat jahat, sesudah itu Raja itu membunuhnya. Walaupun tidak dibunuhnya, maka pena Malaikat yang menuliskan amal manusia, tidak berjalan lagi atas nya sesudah itu, sepanjang umurnya."

Maksud hadis tersebut ialah amalnya yang buruk tidak akan dicatat lagi oleh Malaikat, sebagai imbalan balasan terhadap jasanya yang berani memperingati Penguasa yang zalim itu.

Para hadis yang lain dari Hasan



Perjuang-perjaung ini berjuang mempertahankan kebenaran.

al Basri, diterangkan pula:

“Yang paling utama Syuhadak-Syuhadak dari kalangan umatku ialah laki-laki yang berdiri tegak menghadapi Raja yang zalim, lalu di suruhnya mengerjakan kebaikan dan dilarangnya berbuat jahat. Kemudian, kerana sikap yang demikian, Raja tersebut membunuhnya.

Orang Syahid yang demikian mendapat tempat dalam syurga antara Hamzah dan Ja’far.”

Dari Sa’id Khudri diterangkan pula, bahawa Rasulullah pernah berkata:

“Jihad yang paling utama ialah menyampaikan kata-kata kebenaran (al-haq) terhadap penguasa yang zalim.”

Dari hadis-hadis di atas ini

BAHAWA MELAKUKAN AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR ITU, TERUTAMA TERHADAP PENGUSA YANG ZALIM DAN KEJAM, ADALAH SATU JIHAD YANG PALING MULIA DAN TERHORMAT PADA SISI TUHAN.

semakin jelaslah, bahawa melakukan amar makruf nahi munkar itu, terutama terhadap penguasa yang zalim dan kejam, adalah satu jihad yang paling mulia dan terhormat pada sisi Tuhan.

Akibat mengabaikan “nahi munkar”

Setiap kejahatan di dalam masyarakat haruslah dicegah atau

dirubah waktu awal-awal lagi. Sebab kalau tidak lekas diambil tindakan, maka akan terjadilah seperti penyakit tumor yang lama-kelamaan akan meningkat menjadi barah. Kalau sudah sampai menjadi barah, akibatnya akan merosak seluruh badan dan mengakibatkan kematian. Atau tidak ubahnya laksana api. Ketika api itu kecil, masih mudah memadamkannya. Tetapi, jika sudah menjilat jilat, dan besar, maka akan terjadilah kebakaran besar dan hebat yang menimbulkan kerugian yang bukan sedikit.

Demikianlah perumpamaannya jika sikap nahi munkar (mencegah kejahatan) itu diabaikan. Malah akibatnya akan menimpa juga kepada orang-orang yang tidak turut berbuat jahat itu.

Akibat yang demikian sudah dinyatakan dalam sebuah hadis yang berbunyi:

“Apabila manusia melihat kemunkaran dan tidak (berusaha) merubahnya, maka dikhuatirkan Allah akan menimpakan azab secara merata dan umum..”

Pada sebuah hadis yang lain, yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas, ada diterangkan bahawa seorang laki-laki bertanya kepada Rasulullah:

“Adakah dibinasakan satu desa (masyarakat) yang didiami oleh orang-orang yang saleh?”

“Ada” sahut Rasulullah, “iaitu, orang-orang yang memandang ringan dan berdiam diri tidak mencegah kemaksiatan.”

Banyak contoh yang terjadi dalam

sejarah tentang kehancuran sesuatu kaum atau bangsa oleh kerana mengabaikan nahi munkar. Tuhan mengemukakan contohnya mengenai nasib kaum Bani Israil dari abad ke abad, seperti yang diterangkan dalam Al-Quran:

“Orang-orang yang ingkar dari Bani Israil kena kutukan lidah Daud dan Isa anak Maryam. Hal itu disebabkan mereka mendurhaka dan melanggar peraturan. Mereka satu sama lain tidak melarang perbuatan-perbuatan jahat (munkar) yang mereka kerjakan. Sesungguhnya amat buruk yang mereka perbuat itu.”

(Al-Maidah: 78-79)

Seperti diketahui, Nabi Daud, Nabi Isa dan Nabi-Nabi lainnya telah memberikan pimpinan dan pengajaran untuk membangun kamu Bani Israil, tetapi mereka senantiasa menyimpang dari pimpinan yang baik itu dan selalu pula melanggar peraturan-peraturan yang sudah ditetapkan. Akhirnya, mereka mendapat kutukan sehingga mengalami berbagai-bagai peristiwa yang pahit.

Sebab-sebab yang pokok tentang malapetaka yang selalu menimpa kaum Bani Israil, dilukiskan lebih jauh dalam sebuah hadis yang bermaksud:-

“Tatkala kaum Bani Israil jatuh kedalam kemaksiatan, maka orang-orang cerdik pandai mereka melarang perbuatan kaumnya itu, tetapi mereka tidak mahu berhenti. Kaum cerdik pandai itu sendiri mendekati mereka,

sekedudukan dan makan minum bersama-sama sampai Allah menghancurkan sebahagian dari mereka dengan bahagian yang lain (maksudnya: kejahatan itu sudah merata dan kacau bilau). Mereka itu dikutuk atas doa Daud dan Isa anak Maryam. Yang demikian adalah akibat kedurhakaan mereka dan mereka itu adalah orang-orang yang melampaui batas. Rasulullah yang pada waktu itu sedang berdiri bertelekan, lalu duduk dan berkata selanjutnya: "Demi Allah yang jiwaku berada ditangan-Nya, sampai kamupun akan meninggalkan kebenaran dan condong kepada orang-orang yang durhaka itu."

dalam ceritera tukang pancing dilarikan ikan. Artinya, pihak yang seharusnya mencegah, pada akhirnya terlibat dan menyerah.

Safinah Kehidupan

Perjuangan antara kebaikan melawan kejahatan, merosak dan juga perlumbaan antara yang makruf dengan yang munkar, senantiasa terjadi dari abad ke abad. Dalam hal itu, diperlukan supaya barisan yang membangun senantiasa berhati-hati dan waspada.

Rasulullah pernah mengibaratkan masyarakat ini laksana sebuah perahu (safinah) yang mengharungi lautan. Hadis tersebut bermaksud:-

HADIS DIATAS MEMBERI PERINGATAN KEPADA KAUM MUSLIMIN, TERUTAMA KEPADA KAUM CERDIT PANDAI DAN ALIM ULAMA, SUPAYA JANGAN BERTOLAK-ANSUR ATAU BERMAIN MATA DENGAN ORANG-ORANG YANG BERBUAT MAKSIAH, KAUM PEROSAK, YANG MELANGGAR NÖRMA-NÖRMA DAN PERATURAN YANG DUREDHAI ALLAH.

(Riwayat Ahmad Ibnu Hanbal)

Hadis diatas memberi peringatan kepada kaum Muslimin, terutama kepada kaum cerdik pandai dan Alim Ulama, supaya jangan bertolak-ansur atau bermain mata dengan orang-orang yang berbuat maksiat, kaum perosak, yang melanggar norma-norma dan peraturan yang diredhai Allah. Dalam usaha untuk menginsafkan kaum perosak itu haruslah selalu waspada, jangan terbawa hanyut, sehingga terjadi peristiwa, seperti yang dilukiskan

"Perumpamaan bagi orang-orang yang menegakkan hukum Allah dan orang-orang yang melanggar hukum tidak ubahnya seperti satu rombongan kaum yang bersama-sama menumpang kapal. Yang sebahagian mengambil tempat di bahagian atas dan sebahagian lagi dibahagian bawah kapal itu. Orang-orang yang bertempat di bahagian bawah, jika mereka hendak mengambil air, harus melewati orang-orang sebelah atas. Maka orang-orang yang bertempat dibahagian bawah itu

berkata:

“Tidakkah lebih baik kita buat satu lubang di bahagian tempat kita supaya kita tidak mengganggu orang-orang yang ada di atas kita?”

Kalau orang-orang yang bertempat dibahagian bawah melakukan kemahuan mereka (melubangi perahu), maka mereka akan tenggelam semuanya.

Tetapi, kalau mereka cegah, maka mereka yang berada dalam perahu itu seluruhnya akan selamat”

(Riwayat Bukhari dan Tirmizi)

Perumpamaan atau perbandingan yang telah dikemukakan oleh hadis diatas cukup menyedarkan setiap orang, bahawa salah satu sebab kehan-

curan kaum atau bangsa adalah kerana mengabaikan tugas nahi munkar, mencegah kejahatan.

Pegangan

Sebagai pegangan dalam sesuatu kehidupan dan masyarakat, baiklah kita hunjamkan kedalam jiwa kita, peringatan Rasulullah yang mengatakan: “Seburuk-buruk kaum ialah yang tidak menyuruh menegakkan keadilan; seburuk-buruk kaum ialah kaum yang tidak menyuruh berbuat baik (makruf) dan tidak melarang berbuat jahat (munkar).”

Disediakan oleh:
(SAADI)

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "لا يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال ذرة من كبر" فقال رجل: إن الرجل يحب أن يكون ثوبه حسنا ونعله حسنة؟ قال: "إن الله جميل يحب الجمال، الكبر بطر الحق وغمط الناس." (رواه مسلم).

Dari Abdullah bin Mas'ud (ra.), Rasulullah (saw) bersabda: “Tidak masuk syurga seseorang yang ada didalam hatinya rasa sombong, walaupun sedikit. “Lalu sahabat menyelang: (Bagaimana) seorang yang suka memakai baju yang indah dan kasut yang indah? Jawab Baginda: “Sesungguhnya Allah indah, Dia suka kepada yang indah! Kesombongan itu ialah: MENOLAK KEBENARAN DAN TIDAK MENGHARGAI ORANG LAIN.”


(Hadis riwayat Muslim)

AL-QURAN

Menurut pandangan orang-orang Barat

(Al-Ustaz Sadr Al-Hassan An Nadawi)

Al-Quran kitab lama secara mutlak terjauh dari kekeliruan dan campuran.



Dibawah ini beberapa kenyataan orang-orang Barat yang telah mempelajari secara teliti dan mendalam ayat-ayat Al-Quran, dan telah sampai kepada natijah yang positif.

1. **Sir William Muir** dalam bukunya: Kehidupan Muhammad (s.a.w.) Life of Muhammad).
"Wafatnya Muhammad (s.a.w.) belum mencapai suku abad,, telah timbullah pertikaian yang sengit, dan muncullah kelompok-kelompok. Dan Usman (r.a.) menjadi mangsa fitnah-fitnah ini, dan perselisihan faham itu masih terus berlangsung, tetapi Al-Quran tetap menjadi satu-satunya kitab kelompok-kelompok ini. Sandaran

kelompok-kelompok ini semua kepada kitab ini sebagai bacaan, adalah suatu bukti yang nyata bahawa kitab yang ada pada kita sekarang ini ialah mashhaf yang diperintahkan pengumpulannya dan penulisannya oleh Khalifah yang dizalimi tersebut. Dan bahkan satu-satunya kitab didunia yang nashnya terpelihara secara kekal dari penyimpangan selama 1200 tahun (Life of Muhammad 1912, muka 22, 23)."

2. **Profesor Wherry**, dalam penafsirannya mengenai Al-Quran.
"Al-Quran merupakan diantara kitab-kitab lama yang secara mutlak terjauh dari kekeliruan dan campuran, dan yang terbanyak kebenaran serta kemurniannya."

(Wherry, Jilid I, muka 245).

3. **Dr. Palmer**, dalam bukunya (The Quran Introduction)

“Nash Quran yang disusun oleh (Khalifah) Usman masih merupakan mushhaf yang dapat diterima, dan muktamad bagi kaum Muslimin. (The Quran Introduction, muka 7).

4. **Stanely Lane Poole:**

“Al-Quran turun dimasa suasana dunia diliputi oleh kabut (kabus) kebodohan dan kegelapan, dan kehancurkan akhlak manusia. Maka Al-Quran menghapuskan segala bentuk kesesatan ini yang telah menyeliputi dunia sejak berabad-abad. Sesungguhnya Al-Quran itu ilmu kemanusiaan, contoh akhlak yang tinggi, hakikat-hakikat dan ilmu pengetahuan, dan ianya mengubah (dengan tarbiyahnya yang mantap) orang-orang yang zalim sehingga menjadi adil, yang keji menjadi zuhud penuh pengabdian. Tanpa Al-Quran pasti siralah contoh tauladan kemanusiaan, dan tidak akan ada yang kekal bagi kemanusiaan itu, kecuali (sekadar) namanya saja.”

“Suatu keistimewaan yang terbesar dari Al-Quran, ialah bahawa ianya tidak terdapat suatu syak yang mempengaruhi keasliannya. Setiap huruf yang kita baca sekarang ini, dapatlah kita percayai bahawa ianya belum

menerima sebarang perubahan sejak 13 kurun.”

- 5 **Professor Herbert While**, dia melukiskan kesannya terhadap Kitabullah yang Agung itu:

“Quran itu penuh dengan ilmu pengetahuan dan hukum, ianya telah mengubah masyarakat manusia keperingkat yang menakjubkan. Orang-orang yang menta'bir ayat-ayat dan kandungannya, mereka pasti menyaksikan bahawa Al-Quran itu merupakan suatu peraturan yang sempurna dari kanun yang syumul untuk kehidupan, tidak ada satu incipun dari sudut-sudut kehidupan, kecuali akan ada didalamnya hidayah Al-Quran itu. Dan saya nampak kebahagiaan di dunia dan kejayaan di akhirat bagi sesiapa yang mendapat hidayahnya dan mengambil cahayanya.”

- 6 **Professor Edward Gibon:**

“Al-Quran telah memberi suatu dalil ke “Esa” an secara jelas, dan setiap orang yang jujur merasa perlu menampilkan hakikat ini. Sesungguhnya Al-Quran adalah suatu kanun hidayah, yang tiada bandingannya, pengajaran-pengajarannya selaras dengan tabiat manusia dan ianya menduduki tempat yang terpandang dari kesannya. Ia telah mengubah

masyarakat Arab yang telah sampai kepada kemuncak kebidaban, dimana jiwa-jiwa mereka penuh dengan emosi kerakusan dan kekejian, serta ianya melarang terhadap pembunuhan dan perompakan. Dan inilah peranannya yang nyata lagi penting dalam rahsia yang tersembunyi ini. Apabila seseorang filasuf yang genius hendak memeluk sesuatu agama, maka saya akan tunjukkan kepadanya agar ia masuk Islam (Majallah "Ta'mier Hayat", 10hb Jun, 1979, terbitan Nadwatul Ulama)."

- 7 **George Bernard Shaw**, seorang pujangga Inggeris, mengakui akan kekekalan pengajaran Islam, dan menekankan dengan menyebut Al-Quran, bahawa:-

"Al-Quran adalah kitab satu-satunya, yang dapat menyampaikan secara keseluruhan kelompok (perjalanan) manusia untuk mencapai destinasiya dalam zaman yang berbeda-beda, dengan hukum pengajarannya yang syumul (universal), dan ianya boleh mengalihkan pandangan manusia pada setiap masa dan tempat. Dan saya menyatakan dengan terusterang bahawa Al-Quran (bukan yang lainnya) boleh menyelesaikan masalah-masalah manusia yang rumit, dimana ianya memudahkan bagi kemanusiaan untuk mencapai

tujuan yang dicita-citakan yang berupa thuma'ninah dan ketenangan yang kedua-duanya telah dicari-carinya sejak berabad-abad lamanya."

- 8 **George Talia**, pengarang "Ayyam fi Al-Syarqi" dicetak di London (1917M).

"Bagi kita orang-orang Eropah, sepatutnya menghormati Al-Quran sebagai wahyu langit, dan memperhatikan makna-maknanya, daripada pemikiran kita terperosok kedalam jurang yang dikuasai oleh perasaan kecurigaan dan asabiyat.

- 9 **Ustazh Nabia Abot**, pensyarah Pengajian Tinggi di Universiti Kerajaan California, dalam bukunya "Garis Arab".

"Al-Quran meski bagaimanapun kandungannya, tetapi ianya bukan merupakan buatan manusia, dan apabila kita mengingkari bahawa ianya dari Allah s.w.t., itu bermakna kita menganggap bahawa Muhammad itu Tuhan."

- 10 **Ustaz John Rush**, dalam bukunya "Ketinggian Manusia". New York 1932M.

"Al-Quran yang disusun oleh Muhammad (s.a.w.) itulah yang kita imani, bahkan iannya merupakan suatu pekerjaan diluar kemampuan manusia yang hendak mendatangkan semisalnya. Inilah yang kita ingin mengetahuinya."

- 11 **Ustaz Deckson Ross**,

yang mengemukakan Terjemah Geoge Seal, dicetak 1932, New York.

“Al-Quran masih merupakan sumber cahaya dan kitab yang suci bagi kaum Muslimin, meskipun mereka berselisih faham dalam hal tafsirnya, tetapi mereka tidak berselisih dalam bentuknya sebagai wahyu dari Allah, bahkan mereka secara ijmak mengatakan bahawa ianya adalah Kalam Allah, samada secara lafaz atau makna.”

“Apakah Al-Quran mustahak terhadap keagungan ini? Saya nyatakan ya, demikian itulah.”

12 **Dr. Carel Brochel Mann.**

Mushhaf Usmani ini dalam masa yang singkat telah mencapai kedudukan yang meyakinkan dan muktamad bagi kaum Muslimin tanpa menghajatkan kepada sesuatu kekuatan dan paksaan.

13 **Dr. Loraveshia Fagliry.**

“Mukjizat Islam yang agung adalah Al-Quran yang memindahkan kepada kita riwayat yang kokoh tidak terputus-putus dari celah-celah berita yang meyakinkan secara mutlak. Ianya merupakan satu kitab yang tidak ada tolok bandingannya. Ayat-ayatnya lebih tinggi dari balaghah, dan ia berpindah dari satu masalah ke-masalah lain tanpa menghilangkan kekuatannya. Kita terjatuh disini

keatas kedalaman dan kenyamanan secara bersama-sama, dua-duanya merupakan sifat yang biasanya tidak berjumpa. Maka bagaimana mungkin kitab yang istimewa ini buatan Muhammad dan beliau adalah orang Arab yang Ummi (buta huruf). Dan iapun menyatakan: “Bagi kita masih ada alasan lain bagi sumber Holy Al-Quran dalam hakikat ini iaitu bahawa nashnya masih murni tidak berubah sepanjang kurun, yang terukir dalam sejarah sejak masa turunnya sampai kini, dan nashnya pasti akan tetap sebagaimana keadaannya yang murni tanpa mengalami perubahan dengan izin Allah selama-lamanya.

14 **Professor Hitti:**

“Al-Quran adalah kitab yang terbaru yang mempunyai nilai yang besar dalam sejarah manusia, sebagaimana juga ianya lebih banyak dibaca daripada semua kitab yang disaksikan oleh dunia manusia.

Tetapi hakikat yang besar yang tidak mungkin kita menutup mata terhadapnya adalah bahawa orang-orang barat dengan pengetahuan-pengetahuan ini semua memandang bahawa Al-Quran adalah merupakan cabaran terbesar bagi usaha menguasai Dunia Islam, dan mereka ingin melenyapkan cabaran ini dengan segala daya dan upaya. Kerana Al-Quran yang

merupakan sandaran orang Islam adalah kekuatan yang agung yang mampu membendung pengaruh kebudayaan barat dengan segala macam dan bentuknya.

15 **Henry Hamilton Thomas:**

Salah seorang pegawai kanan Inggeris di Bengal (India) menulis dalam bukunya (*Late Ribellion in India and Our Future Policy*), yang dikarangnya dalam tahun 1858, yakni satu tahun saja selepas Revolusi. Kalimat itu menjelaskan keyakinan Inggeris dan arah pandangan mereka terhadap Islam, ia berkata:

“Kaum Muslimin tidak akan dapat dijadikan rakyat yang taat bagi Pemerintahan yang menganut selain agama Islam, kerana perkara itu mustahil menurut hukum Islam.”

16 **Ustaz Al-Muhtadi Muhammad Asad,** dalam

bukunya yang bermutu “*Islam at the Cross Road*” dan ia menukilkan pendapat Gladstone, Menteri Britain yang pertama, yang menyatakan:

“Peradaban Eropah berdiri tegak berasaskan peradaban Rome yang animisme, dan ianya tidak menaambil dari agama Nasrani (Kristian) yang telah dianutnya, oleh sebab-sebab yang kuat dan memaksa. Kemudian peradaban Eropah pada hakikatnya masih

animisme materialisme, tidak percaya selain terhadap kekuatan kebendahaan. Oleh itu kita nampak perbedaan besar antara peradaban Eropah dan Islam yang dibina diatas roh (jiwa), akhlak serta contoh tauladan yang tinggi. Itulah asas-asas yang tercipta dalam islam, ampuh, tak terkalahkan.

Dan tidak dapat diragukan lagi bahawa hakikat yang mahal ini telah terungkap bagi Gladstone, Menteri Britain yang pertama dan salah seorang pendukung tunggal Imperium di Timur semasa dia berkata:

“Selama Al-Quran ini wujud, maka Eropah sama sekali tidak akan dapat menguasai Timur, dan bahkan ianya sendiri (Eropah) tidak akan berada dalam keadaan aman.”

17 **John Tackly:**

“Kita wajib menggunakan kitab mereka “Al-Quranul Karim,” yang merupakan satu senjata yang lebih efektif dalam Islam untuk melawan Islam itu sendiri. Agar dapat menguasainya secara sempurna, hendaklah kita nyatakan kepada mereka, bahawa yang benar dalam Al-Quran bukanlah baru dan yang baru didalamnya belum tentu benar.”

18 **William Geford Belgrove (Inggeris),** ia menyatakan dalam kalimatnya

yang masyhur, dan meringkaskan dalam kalimat ini permusuhan Eropah terhadap Al-Quran.

“Bilamana Al-Quran dan Kota Mekah tersingkir jauh dari negeri Arab, kita mungkin akan dapat nampak orang Arab berangsur-angsur mara kearah peradaban yang belum pernah dijauhinya

selain oleh Muhammad dan kitabnya.”

Dari: AL BAAS-EL-ISLAMI
NO. 2 SYAWWAL 1403H.

Diterjemahkan oleh:
(USTAZ HAJI BAHARUDDIN
MANSUR)

SAJAK

Keluhan

aku menangis
mengenang manusia kini
tidak mengenali Tuhan

syurga mereka adalah:
bir, harta, judi, wang
kuasa, dadah dan perempuan jalang!

agama penghalang kemajuan
sains pembina kehidupan
wah! manusia lupa daratan!

syaitan adalah:
alim-ulamak, masjid dan al-Quran
hadith, agama yang berkaitan

agama pembohong semata
kajian terbukti
aduh,
manusia sesat nyata

aku menangis lagi
dunia penuh maksiat
penuh penipuan dan kepalsuan
manusia kini tidak sedar diri.

ISLAM DI AMERIKA

Oleh: SAYID QUTB

ISLAM YANG BERJUANG MENENTANG PENJAJAHAN ATAU SISTEM-NYA SEBAGAIMANA IA BERJUANG MENENTANG KOMUNISME, TIDAK ADA ORANG DIANTARA MEREKA TADI MEMBICARAKAN-NYA. ISLAM YANG MEMERINTAH KEHIDUPAN DAN MENGEN-DALIKANNYA, TIDAK PERNAH DIKEMUKAKAN OLEH ORANG-ORANG ITU.

Orang-orang Amerika dan kuncu-kuncunya sekarang ini amat memperhatikan Islam. Mereka memerlukan Islam untuk memerangi komunisme di negara-negara Islam setelah mereka memerangi Islam selama sembilan abad atau lebih, iaitu semejak perang salib. Mereka sekarang memerlukan Islam, seperti juga mereka memerlukan orang Jepun, Jerman dan Itali yang telah mereka hancurkan dalam perang dahulu. Sekarang orang Amerika mencuba dengan segala cara yang mungkin agar negara-negara itu dapat berdiri di atas kaki sendiri, agar mereka dapat menahan penaklukan komunis, mungkin besok mereka akan menghancurkan negara-negara itu sekali lagi, kalau mereka mampu melakukannya.

Islam yang diinginkan orang Amerika dan kuncu-kuncunya, bukan Islam yang menentang penjajahan, bukan Islam yang menentang

kediktatoran, tetapi Islam yang menentang komunis saja. Mereka tidak ingin Islam memerintah, mereka tidak tahan kalau Islam memerintah, kerana kalau Islam memerintah akan membangkitkan bangsa-bangsa sekali lagi. Ia akan mengajarkan kepada bangsa-bangsa itu bahawa mempersiapkan kekuatan itu adalah suatu kewajiban, bahawa memburu penjajah dan kuncu-kuncu penjajah itu suatu kewajiban dan bahawa komunisme itu, seperti juga halnya dengan penjajahan, adalah penyakit menular. Keduanya itu musuh.

Jadi Amerika dan kuncu-kuncunya menginginkan suatu Islam gaya Amerika. Dan dari sinilah bertolaknya gelombang Islam itu ke segenap penjuru. Pembicaraan tentang Islam tersebar dalam surat-surat khabar di mana-mana. Pembicaraan tentang Islam kadang-kadang memenuhi satu halaman, iaitu dalam suratkhbar-suratkhbar yang satu haripun tidak pernah merasa cinta kepada Islam atau

mempunyai pengetahuan tentang Islam. Penerbit-penerbit, diantaranya ada yang terkenal ke Amerikannya, tiba-tiba saja menyadari bahawa Islam mesti menjadi pokok persoalan bagi buku bulan ini. Penulis-penulis yang di masa sebelumnya terkenal sebagai propagandis pihak sekutu, mulai menulis kembali tentang Islam, Pemuka-pemuka agama yang profesional mulai memperoleh wang yang banyak sekali, memperoleh kehormatan dan kekuasaan, dan perlombaan antara Islam dan komunisme, diberi hadiah wang yang cukup besar.

Tetapi Islam yang berjuang menentang penjajahan atau sistemnya sebagaimana ia berjuang menentang komunisme, tidak ada orang diantara mereka tadi membicarakannya. Islam yang memerintah kehidupan dan mengendalikannya, tidak pernah dikemukakan oleh orang-orang itu.

Islam harus memberikan fatwanya agar kehamilan dilarang. Islam mesti memberikan fatwanya tentang bolehnya wanita masuk parlimen. Islam diminta fatwanya tentang apa saja yang membatalkan wudhu' (dan lain-lain fatwa yang menguntungkan mereka dan tidak menjejaskan kedudukan mereka). Tetapi Islam sama sekali tidak boleh dimintakan fatwanya untuk masalah-masalah kemasyarakatan kita atau perekonomian kita atau sistem kewangan kita. Islam tidak boleh dimintakan fatwanya untuk masalah-masalah politik dan nasional kita, atau mengenai hubungan antara

kita dengan penjajah atau generasi penganut sistem penjajah.

Demokrasi dalam Islam, kebaikan dalam Islam dan keadilan dalam Islam, boleh menjadi tajuk sebuah buku atau sebuah majalah. Tetapi memerintah dengan Islam, perundang-undangan dengan Islam dan kemenangan dengan Islam, tidak boleh disentuh oleh sebuah penapun, oleh pembicaraan atau suatu fatwa.

Setelah itu pernah terjadi bahawa Islam Amerika ini pernah mengenal sesuatu dalam Islam yang bernama "zakat". Ia mengetahui bahawa zakat ini mungkin dapat membendung aliran komunisme, kalau dilaksanakan. Kerana itu maka Pusat Studi Kemasyarakatan mulai memperhatikan cerita "zakat" ini, atau mempelajari masalah "solidaritas sosial dalam Islam". (Ringkasnya zakat memberikan keuntungan kepada mereka maka perlu dilaksanakan oleh umat Islam dengan cara dan tujuan yang sudah diatur kepentingan Amerika).

Tetapi tidak semua orang Islam setuju akan hal mentaati Allah dibidang zakat saja sedang bidang yang lain yang tak kalah pentingnya diinjak-injak, beberapa orang diantara mereka tidak tahu bagaimana menyembunyikan teks-teks agama dan tidak tahu bagaimana caranya percaya kepada sebahagian Al-Quran dan tidak percaya kepada sebahagian yang lain, dan tidak tahu pula bagaimana caranya untuk menjual-juai ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit, rupanya walau bagaimanapun

Islam itu tetap mempunyai penolong-penolong, iaitu orang-orang yang berusaha untuk Islam, berjuang menghapuskan penjajahan dan sisa-sisanya, kediktatoran dan komunisme. Para pendukung Islam yang mengetahui bahawa Islam itu harus memerintah dahulu sebelum dapat memberikan buahnya yang sempurna, mereka ini tidak dapat ditipu oleh persahabatan kaum salib yang dimasukkan ke dalam Islam, padahal mereka telah memerangi Islam itu semenjak sembilan ratus tahun lebih dan tidak pernah mencintai Islam. Dengan Islam itu mereka ingin menciptakan keadilan, kemuliaan dan ketinggian martabat. Mereka tidak menjadikan Islam itu sebagai tutup tirai bagi suatu propaganda, tetapi mereka menjadikannya sebagai dasar dalam berjuang untuk menegakkan kebenaran dan mencari ketinggian, mereka itulah yang akan mendapat kejayaan. Adapun orang-orang yang memperjual-belikan agama di segenap penjuru, orang-orang yang mencari keuntungan dengan jalan mempermain-mainkan Islam, seperti yang dilakukan pawang ular, maka mereka ini ibarat buih yang akan hilang sirna dengan sendirinya, jika masanya tiba, dan ia akan tiba jauh lebih cepat dari yang diperkirakan kebanyakan orang. Mereka memandangnya sebagai suatu hal yang jauh sekali, sedangkan kita melihatnya sebagai suatu hal yang dekat sekali.

وعد الله الذين آمنوا

منكم وعملوا الصالحات
ليستخلفنهم في الارض
كما استخلف الذين من قبلهم
وليمكنن فينهم الذين
ارتض لهم وليبدلنهم
من بعد خوفهم
أمتا يعبدونني ولا
يشركون بي شيئا


(النور: ٥٥).

"Allah telah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman diantara kamu dan melakukan amal-amal yang baik, bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhainya untuk mereka, Dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang tetap kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

(S. 24:55)

Dipetik dari Buku:

"BEBERAPA STUD I TENTANG ISLAM"



Disamping sembahyang, banyak lagi ibadat yang harus kita tunaikan.

RUANGAN MUSLIMAH

DUNIA DAN AKHIRAT SAMA PENTING

Dalam rencana saya pada kali ini, saya cuba membentangkan tajuk tersebut yang kurang meluas, kurang menarik perhatian para pembaca risalah (Media Silaturrahim ini). Kerana mungkin terdapat di antara muslimah yang sudah mengetahui dan mendalam pengetahuannya dalam tajuk-tajuk yang berbentuk keagamaan serupa ini, Syukurlah bagi mereka yang sudah

mengetahui. Dan bagi mereka yang belum mengetahui atau yang ingin tahu dan suka meninjau-ninjau hal-ehwal agama, saya rasa tajuk yang berbentuk ini perlu juga di-kemukakan sebagai ingatan, pesanan dan nasihat yang menjadi tanggungjawab kita bersama, supaya hidup kita mempunyai pegangan yang kukuh selaras dengan penghidupan di dunia dan di akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:-

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا مَنْ؟ قَالَ:
لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلَا
تُؤْمِنُ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَتِهِمْ .
(رواه مسلم)

Maksudnya:-

Agama itu nasihat. Kami berkata:
"Bagi siapa?" Baginda bersabda: "Bagi
Allah, bagi kitabnya, bagi Rasulnya dan
bagi Imam-Imam Kaum Muslimin juga
bagi orang ramai mereka."

(Riwayat Muslim)

Firman Allah s.w.t.

وتواصوا بالحق وتواصوا
بالصبر .
(العصر: ٣)

Maksudnya:-

"Nasihat menasihati supaya men-
taati kebenaran dan nasihat menasihati
supaya menetapi kesabaran."

(Al-Ashr: 3)

Perkataan Dunia dan Akhirat
selalu di persaingkan, yang mana
kedua-duanya mempunyai hubungan
yang sama penting. Terpaksa melalui
yang satu sebelum sampai kepada yang
lain. Untuk sampai kepada akhirat
mestilah melalui dunia, bahagian atau
celaka yang akan ditemui di akhirat

adalah bergantung kepada amal yang
di lakukan di dunia.

Ketahuilah duhai muslimah,
bahawa Alam Akirat bukanlah tempat
bercocok tanam, bukan tempat
mengumpul atau tempat menerima
ujian dan dugaan ilahi. Tetapi dia adalah
tempat menerima hasil, jika ada benih
yang di semai. Dia adalah tempat
menerima untung, jika ada simpanan
yang di kumpulkan. Dan dia juga adalah
tempat menerima keputusan muktamad
dan pertanggungjawab bagi setiap
perbuatan.

Itulah dia jalanraya dunia, yang
matlamatnya menuju ke darul-akhirat,
di mana manusia akan di hadapkan di
muka pengadilan yang akan di adili oleh
Rabbul Izzati dengan perincian dan
bijaksana.

Allah amat menyayangi dan
mengasihi hamba-hambanya. Meskipun
tujuan asal manusia dijadikan adalah
untuk beribadat kepada Tuhannya,
tetapi di dalam perlaksanaannya, Allah
telah memberi peluang dan kelapangan
bagi manusia mengecapi kenikmatan
hidup di dunia dengan penuh ke-
bahagiaan supaya dengan demikian
kekaguman manusia terhadap ciptaan
Allah akan lebih meninggi. Tidak ada
pertentangan antara dunia dan akhirat.
Yang dilarang oleh Tuhan hanyalah per-
buatan, perkataan dan makanan yang
keji, yang menjijikkan, yang mem-
bahayakan yang mengandungi kotoran,
yang mengganggu akal fikiran yang
membawa manusia dari alam nyata
kealam khayalan. Tuhan menghalalkan

yang baik-baik dengan tidak menyebutkan senarainya. Sebab jika di sebut satu persatu tentu akan terlalu banyak. Cukuplah dengan kesimpulan bahawa kalau tidak ada larangan tentu harus hukumnya.

Terdapat di kalangan muslimin dan muslimat yang memisahkan antara dunia dan akhirat dan hanya memilih yang satu sahaja di antara kedua-duanya. Satu golongan hanya sekadar mengucap dan mengaku dirinya sebagai seorang muslim, tetapi jika diteliti amalannya sehari-hari, hampir tidak ada padanya tanda-tanda keimanan, hukum halal dan haram tidak lagi menjadi persoalan, yang diburu hanyalah kemewahan, kesenangan yang menguasai dirinya. Mereka ini menganggap bahawa amalan akhirat cuma akan menghalang kemajuan yang mengakibatkan tidak dapat setaraf dengan golongan lain. Sedang agama hanya perlu kepada orang-orang yang sudah hampir ke pintu kubur.

Mereka lupa sejarah Nabi

Muhammad s.a.w. yang mana baginda membangun negara, ekonomi dan sosial selaras dengan pembentukan spiritual (rohani) dengan penuh keyakinan terhadap Allah yang Maha Agung. Bahkan mereka juga di galakkan mencari kemajuan di dunia di samping hubungan yang tidak putus dengan Rab-bul A'lamn sehingga mereka berjaya memperolehi kebahagiaan didalam kedua-dua alam dunia dan alam akhirat. Sebab itu mereka di galakkan berdoa seperti berikut:-

ربنا آتنا في الدنيا حسنة
وفي الآخرة حسنة وقتنا
عذاب النار .

Bermaksud:-

“Ya Allah, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan jauhkanlah kami dari siksa api neraka.”

(BERSAMBUNG)

OLEH: (USTAZAH ROHANI AWI)

Yang amat dikasihi di antara kamu oleh Allah ialah mereka yang menjinakkan hati orang lain dan yang dijinakkan hatinya oleh orang lain. Dan yang amat dimurkai ialah orang yang menyebarkan fitnah, yang memecah belahkan di antara sesama saudara.

Sambungan
didari Keluaran yang lalu

HAJI



TIAP tahun berjuta - juta umat Islam tiba di Jeddah sebelum pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji.

LABBAIKA ALLAHUMMA LABBAIKA

Kaum muslimin kerana imanya - pada setiap hari, bagaimanapun berbeda daerah, kebangsaan dan bahasanya, diwaktu sembahyang fardhu atau sunnat - selalu menghadap sesuatu tempat di bumi ini. Iaitu salah satu diantara tempat-tempat yang

banyak bertebaran di muka bumi dan merupakan pusat lingkaran bagi tempat-tempat lain. Di tempat itu bertemulah garis-garis yang memanjang dari berbagai tempat, lalu bersatu di tempat itu dan menjadi suatu kekuatan yang tidak terpecah belah.

Dengan menghadap ke tempat itu tergambarlah dalam hati mereka keagungan Tuhan Maha Pencipta, dan terbayang dalam fikiran mereka

PADA PERMULAAN BULAN DZULHIJAH SETIAP TAHUN, DAN SEBELUMNYA BEBERAPA BULAN SESUDAH BULAN RAMADHAN, IAITU BULAN MENGAWASI DIRI DAN MEMBERSIHKANNYA, BULAN PERSIAPAN JIWA UNTUK MENGHADAP KE HADIRAT RAJA DIRAJA, YANG MAHA SUCI, MAHA SEJAHTERA, MAHA PENGURNIA KEAMANAN, MAHA MEMELIHARA,

bahawa semua hati menghadap ke tempat itu. Dengan demikian terwujudlah satu kesatuan para penyembah di hadapan keesaan yang desembah. Dengan cara demikian, terlaksanalah bagi mereka, meskipun mereka berada di tempat-tempat yang berpencarpencar, suatu haji rohani dimana bertemua jiwa mereka seluruhnya pada satu tujuan dan satu sasaran. Iaitu keredhaan Allah s.w.t. kerana telah terwujud hikmah-Nya dalam menciptakan makhlukNya dan menjadikan manusia sebagai khalifah (penguasa) di bumi-Nya untuk menciptakan kemakmuran, pembangunan, keamanan, keselamatan, keadilan dan kebaikan.

HAJI JASMANI


Pada permulaan bulan Dzulhijjah setiap tahun, dan sebelumnya beberapa bulan sesudah bulan Ramadhan, iaitu bulan mengawasi diri dan membersihkannya, bulan persiapan jiwa untuk menghadap ke hadirat Raja Diraja, Yang Maha Suci, Maha Sejahtera, Maha

Pengurnia keamanan, Maha Memelihara, kita banyak melihat kaum muslimin yang haji rohaninya mendorong mereka untuk melakukan haji jasmani. Lalu mereka cepat-cepat berangkat, meninggalkan harta dan anak-anak mereka, menuju ke pusat lingkaran penghimpun itu, untuk menunaikan ibadat haji yang dalam Islam dijadikan puncak rukunnya dan mata rantai terakhir dari lingkaran rantainya.

Dengan demikian menjadi pendeklah jarak perjalanan yang jauh dan bertemulah orang Timur dengan orang Barat, orang Utara dengan orang Selatan, sebagai saudara dalam akidah, agama dan iman, dalam sasaran dan tujuan, saling berkenalan, saling memahami dan saling bertukar pendapat dan bermusyawarah tentang hal-hal yang membahagiakan mereka untuk agama dan dunianya, dan yang memelihara mereka dari kejahatan musuh-musuh yang melakukan tipu muslihat.

HAJI ADALAH IBADAT BERJAMAAH

Dari sini teranglah bahawa haji itu bukanlah disyariatkan hanya untuk mengingat Allah s.w.t. semata, bukan untuk thawafnya seorang muslim sendirian disekeliling Baitullah semata-mata dan bukan pula sekedar untuk berada ia (di tanah Haram) dan memuaskannya melihat tempat-



Hajar Aswad yang kita kucupi ketika mengerjakan Haji.

tempat suci, akan tetapi haji itu, disyariatkan untuk itu semua bahkan lebih lagi. Haji disyariatkan agar menjadi jalan untuk mempersatukan yang bercerai-berai dan menghimpun yang berserakan serta mempertemukan pendapat dengan pendapat. Kemudian agar orang-orang yang berkumpul itu kembali ke tempat masing-masing dengan membawa tanggungjawab mereka bersama, masing-masing memperoleh bagiannya sendiri untuk dikerjakan bersama keluarga dan warga negara guna mencapai dan melaksanakan kewajibannya dalam memelihara kemanusiaan dan menggariskan cara-cara mencapai kebahagiaan, agar dari semua umat itu terbentuk umat yang satu yaitu umat utama dan mulia, yang ditinggikan derajatnya oleh Allah s.w.t. dan diangkat namanya.

كنتم خير امة اخرجت للناس
تأمرن بالمعروف
وتنهون عن المنكر.
وتؤمنون بالله .
(آل عمران: ١١٠)

Maksudnya:

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah.”

(S. Ali Imran ayat 110)

Allah s.w.t. untuk pertemuan dan tour ibadat yang mulia itu telah memilih beberapa tempat yang akan menjadi kenangan yang suci, tempat turunnya rahmat Ilahi sejak masa Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s. sampai ke masa cucunya,

akhir pada Nabi dan Rasul, Nabi Muhammad s.a.w. bin Abdullah, agar manusia mengetahui bahawa mereka adalah satu dan agar mengetahui bahawa penganjur-penganjur iman selalu menempuh jalan yang sama dan mempunyai program yang sama.

MAKNA YANG TERKANDUNG DIDALAM IBADAT HAJI

Jikalau ibadat haji itu menurut cara-caranya yang dikecuali orang adalah tidak memakai pakaian yang dijahit, thawaf di baitullahil Haram, sa'i antara Shafaa dan Marwa, wuquf di Arafah dan Masy'aril Haram, melempar Jumrah dan menyembelih korban, maka saya berpendapat bahawa cara-cara melakukan ibadat haji sebagaimana yang diketahui orang itu pada hakikatnya mengandung pengertian-pengertian yang tersembunyi didalam bentuk dan cara-cara itu sendiri, yang merupakan arti dan maksud haji yang sebenarnya, yang dikehendaki Allah s.w.t.

Ihram, iaitu permulaan ibadat

haji, hakikatnya tidak lain hanyalah menjauhi syahwat dan hawa nafsu dan memusatkan perhatian kepada Allah serta merenungkan keagungan dan keindahan-Nya, dan membebaskan diri dari perbedaan tingkatan masyarakat, dimana sebahagian manusia menguasai, merendahkan dan memperbudak sebahagian saudaranya yang lain, padahal keduanya adalah bersaudara dalam kemanusiaan, sama-sama dari satu ayah, sama-sama tunduk kepada satu kekuasaan, dan nilai kemanusiaannya tergantung kepada nilai-nilai persaudaraan dan perhambuan diri kepada Tuhan.

Demikian juga Thawaf di Baitullah, bukanlah hanya sekedar gerakan jasmani di mana seorang yang melakukan ibadat haji mendesak-desak saudaranya yang lain dan bersikap keras kepadanya tanpa ada rasa kasih sayang dan rasa santun, akan tetapi yang dimaksud ialah berkerumun dan berkelilingnya hati disekitar kekudusan Allah s.w.t. sebagai seorang yang amat cinta kepada kekasihNya Yang Maha Agung lagi Maha Indah Yang dapat dilihat dan dirasakan nikmat-Nya, tetapi tidak dapat dilihat dzat-Nya.

WUQUF DI ARAFAH SESUDAH SA'I TIDAK DIMAKSUDKAN HANYA SEMATA-MATA BERDIRI SEJENAK PADA TENGAH HARI DI TENGAH-TENGAH PADANG YANG TERIK MATAHARINYA, AKAN TETAPI DIMAKSUDKAN UNTUK MENYERAHKAN DIRI DENGAN HATI YANG TUNDUK DAN TAKUT.

Demikian pula Sa'i sesudah thawaf, bukanlah untuk berlari-lari dengan cepat dan menggerakkan bahu, akan tetapi sa'i itu merupakan mundar mandir antara dua bukit rahmat, untuk memohon turunnya rahmat Allah dan untuk mengharapkan ampunan dan keredhaanNya.

Wuquf di Arafah sesudah sa'i, tidak dimaksudkan hanya semata-mata berdiri sejenak pada tengah hari di tengah-tengah padang yang terik matahari, akan tetapi dimaksudkan untuk menyerahkan diri dengan hati yang tunduk dan takut, dengan tangan menengadahkan ke langit untuk memohon, dengan lisan berdoa dan benar-benar mengharapkan kasih sayang Tuhan Yang Maha Penyayang.

Demikian pula melempar setelah

melakukan manasik tersebut yang menyebabkan cahaya Tuhan menyinari hati, tidak lain hanyalah merupakan simbul yang menyatakan kutukan terhadap kejahatan, penghinaan terhadap kecenderungan hawa nafsu mengajak kepada kejahatan, dan melenyapkan bisikan syaitan yang terkutuk. Dan dari segi lain ia juga merupakan simbul material bagi seorang yang beriman untuk menyatakan kesungguhan kemauannya untuk menyingkirkan hawa nafsu yang merusak perseorangan dan masyarakat.

Adapun penyembelihan dan penumpahan darah (binatang ternak) yang merupakan anak tangga terakhir untuk naik ketinggian kesucian dan kebersihan, pada hakikatnya adalah



Pemandangan di Padang Arafah semasa berwukuf.

menumpahkan darah yang kotor dan hina, dengan tangan yang sudah mulai kuat membina keutamaan, dan dengan hati yang penuh iman kepada tingginya nilai pengorbanan dengan disaksikan oleh tentera Allah s.w.t. yang suci dan berbakti.

Kaum muslimin melakukan ibadah haji tersebut secara bersama-sama, sebagaimana menyaksikan sebahagian yang lain dengan janji dan sumpah bahawa mereka akan melaksanakan tujuan ibadat itu dan akan menghiasi jiwa dengan makna yang tinggi yang terkandung didalamnya. Dengan ibadat-ibadat itu mereka benar-benar berhaji (menuju) kepada Allah dengan amal perbuatan dan menyebarkan arti-arti haji itu kepada keluarga dan warganegara-nya itu merasa bahagia sebagaimana mereka telah merasa berbahagia, dan mendapatkan redha Allah s.w.t. sebagaimana mereka mendapatkannya.

SEMUA PERIBADATAN ITU MEMPUNYAI SATU TUJUAN

Peribadatan itu baik shalat dan puasa maupun haji dan zakat, walaupun berbeda-beda bentuk ukuran, dan waktunya, akan bertemu pada satu tujuan, iaitu melaksanakan arti penyembahan kepada Allah, dengan ikhlas dalam mentaatinya dan menuju hanya kepadaNya serta memohon pertolongan hanya daripadaNya, dan membebaskan diri dari kekuasaan manusia yang

aniaya.

Haji dengan waktunya yang amat panas pada musim panas dan angin serta dinginnya pada musim sejuk, dengan tempat-tempatnya yang memancarkan cahaya dan hidayah Allah, dan dengan amal perbuatannya yang mengembalikan manusia kepada kesatuan tabii yang bersemayam didalam perasaan mereka dan tergambar di dalam hati kecil mereka, adalah kemanusiaan yang menyembah di hadapan ke-Esaan Tuhan Yang disemboh, yang merupakan fithrah manusia sebagaimana diciptakan Tuhan. Sesungguhnya haji dengan cara-cara itu semuanya adalah ibadat yang paling kuat dan paling menyeluruh dalam mencapai arti ubudiah dan keikhlasan kepada Allah s.w.t.

TALBIAH ADALAH SYAIR ORANG MUKMIN

Barangkali keistimewaan ini yang kita lihat dikala menggambarkan haji dan artinya itu, itulah rahsia "Talbiah" sebagai tanda dimulainya haji, dan syair yang menyertai haji dalam segala fasyennya. Talbiah itu merupakan jawapan dari yang menyembah terhadap seruan Tuhan yang disemboh. Orang yang bersembahyang dengan sembahyangnya mengatakan. "Labbaika Allahumma labbaika" (aku perkenankan seruan Engkau, Ya Tuhan! aku perkenankan). Orang yang berpuasa dengan puasa, mengeluarkan zakat dengan zakatnya mengatakan "Labbaika Allahumma lab-

baik" Demikian dan selanjutnya setiap orang yang mengamalkan perbuatan yang direndhai Allah s.w.t. mengatakan dengan amalnya itu "Lab-baika Allahumma labbaika"

Talbiah pada hakikatnya adalah kecenderungan hati untuk berhijrah dari alam kegelapan dan kezaliman kepada alam keadilan dan kebaikan. Dengan Talbiah itu seorang mukmin mencatatkan didalam jiwanya pada setiap waktu arti patuh dan tunduk serta menjawab panggilan Tuhannya, dan mengakui akan ke-EsaanNya, dalam memiliki dan menguasai, dalam memberi kurnia dan nikmat, dalam mengatur dan bertindak.

(لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ)

LABBAIKA ALLAHUMMA LABBAIKA

Saya berdiri di depan pintuMu mendengarkan perintahMu, cepat-cepat menjawab seruanMu, memenuhi janjiMu, tanpa syak dan ragu dan Engkaulah Engkaulah, Yang Maha Esa dan Tunggal, yang dijawab ajakanNya, dan semua jiwa menuju kepadaNya. Engkaulah Yang Maha Esa lagi Tunggal, Tuhan Pemberi nikmat yang tak terhitung, Tuhan Yang Maha Perkasa, Yang tak akan hina, Tuhan Yang Maha Kuasa yang tak terkalahkan, Tuhan Yang kekuasaan dan perintahNya harus berlaku di bumi dan di langit, Maha Suci

Engkau, tiada Tuhan selain Engkau.

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ ، لَبَّيْكَ

لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ ،

إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ ،

وَالْحَمْدُ لِشَرِيكَ لَكَ •

Maksudnya:

"Aku perkenankan seruan Engkau, Ya Tuhan, aku perkenankan: Tiada sekutu bagi Engkau. Sesungguhnya segala puji dan nikmat adalah bagi Engkau, demikian pula kerajaan, tiada sekutu bagi Engkau."

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ

وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا

شَرِيكَ لَهُ •

(الانعام: ١٦٢-١٦٣)

Maksudnya:

"Katankanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu baginya."

(S. Al-An'aam ayat 162-163)

TALBIAH SIMBUL IBADAT SEJAK DAHULU

Itulah Talbiah yang diteriakkan oleh jutaan manusia sejak masa Nabi Ibrahim a.s. dan diteriakkan pula pada saat sekarang ini, sampai hari kiamat,

insyaallah, untuk menyatakan kesatuan orang-orang yang menyembah di hadapan ke-Esaan Yang Disembah. Oleh kerana itu, Talbiah itu membawa mereka ke langit kebebasan dari materi dan kegelapannya, dari hawa nafsu dan kezalimannya, dari perbezaan-tingkatan yang diperbuat manusia pada saat-saat lupa dan alpa, yang selalu menimbulkan kezalimannya dan kesombong-bongan serta takabbur di muka bumi dengan tanpa hak, menimbulkan saling membenci dan dengki, menghina dan memperbudak, dan akhirnya membawa kepada kehancuran dan kebinasaan.

MANUSIA MENYELEWENG- KAN TALBIAH

Dengan adanya gelombang-gelombang kelengahan dan penyimpangan, manusia yang zalim menyelewengkan Talbiah tersebut pada suatu masa. Lalu memasukkan kegelapan pada cahayanya, kebengkokan pada kelurusannya, ketakutan pada keamanannya, dan syirik pada tauhidnya serta kezaliman dan keangkuhan pada jiwa persamaannya. Mereka mengucapkan Talbiah sebagai berikut;

لَيْتِكَ لِأَشْرِيكَ لَكَ الْآشْرِيكَ هُوَ

• لَكَ تَمَلِكُهُ وَمَا مَلَكَ

Maksudnya:

"Aku perkenankan seruan Engkau, tiada sekutu bagi Engkau, kecuali sekutu yang merupakan milik Engkau, yang Engkau miliki dan tidak meniliki."

Kemudian mereka membuat sekutu bagi Allah s.w.t, sekutu yang berupa milikNya, membuat suatu tandingan bagiNya, lalu mereka menyembah sekutu yang dimiliki dan tidak memiliki itu, tandingan yang diciptakan dan tidak menciptakan. Dengan perantaraan sekutu tersebut mereka mendekati diri kepada Allah s.w.t. Keadaan semacam ini berlangsung pada suatu masa, dimana jiwa yang bersih yang terkandung didalam hati nurani manusia pada umumnya menjadi goncang lantaran timbulnya syirik itu, dimana kesesatan dan kerusakan hampir merusak aturan alam, lalu merusakkan urusan manusia yang diberi kuasa di bumi. Kerana itu rahmat Tuhan Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui - kerana telah menciptakan manusia untuk menjadi khalifah (penguasa) di bumi - tidak membiarkan penyimpangan tersebut dimana manusia telah menyeleweng dan terjun kedalamnya. Lalu didatangkanNyalah cahaya petunjuk dan iman yang dibawa oleh Rasul Muhammad s.a.w.

وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ

لَا يَسْتَجِيبُونَ نَصْرَكُمْ وَلَا

أَنْفُسَهُمْ يَنْصُرُونَ •

• (الاعراف: ١٩٧)

Maksudnya:

"Dan berhala-berhala yang kamu seru selain Allah tidaklah sanggup menolongmu, bahkan tidak dapat menolong dirinya sendiri."

(S. A'raaf: ayat 197)

ISLAM MENGEMBALIKAN MANUSIA KEPADA FITHRAHNYA

Nabi Muhammad s.a.w. menerima seruan Tuhannya dan mencurahkan semua tenaganya untuk mengajak manusia kepada seruan itu, sehingga mengembalikan mereka kepada agama Allah s.w.t., tidak menyembah selain Allah s.w.t. dan tidak menjawab selain panggilanNya. Nabi s.a.w. telah membersihkan Haji dari syirik dalam Talbiah dan syirik dalam sujud, dan telah mengembalikan agama Allah s.w.t kepada masa semula, iaitu masa Nabi Ibrahim a.s. dan Ismail a.s., masa fithrah yang masih murni dan hati nurani yang masih bersih.

انّي وجهت وجهي للذي فطر
السموات والارض حنيفا وما اتنا
من المشركين
(الانعام: ٧٩)

Maksudnya:

"Sesungguhnya aku menghadapkan diriku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar, dan kau bukanlah termasuk orang-orang yang mempersekutukan Tuhan."

(S. Al-An'aam: ayat 79)

Nabi Muhammad s.a.w telah mengembalikan agama Allah s.w.t. pada masanya yang pertama itu, maka

dengan demikian Talbiah menjadi murni hanya untuk Allah s.w.t. dan bersih dari sekutu yang dimiliki dan kembali sebagaimana yang dikehendakiNya.

• لبيك لا شريك لك لبيك

Maksudnya:-

"Aku perkenankan seruan Engkau, tiada sekutu bagi Engkau, aku perkenankan seruan Engkau."

Dan Talbiah itu tetap seperti itu sejak masa Rasulullah, Muhammad s.a.w., diucapkan oleh jutaan orang mukmin, menghubungkan mereka dengan langit dan senantiasa menjadi syiar yang abadi bagi haji dan iman, meskipun tidak disukai oleh orang-orang munafik penyebar kebohongan dan kepalsuan.

Jikalau Talbiah itu menjadi syiar iman, sedang artinya adalah memperkenankan seruan Allah mengenai perintah, hukum-hukum dan syariatNya, dan tidak dijadikan tanda khusus bagi haji kecuali kerana haji itu mempunyai keistimewaan sendiri yang tidak terdapat pada lainnya, yang membawa kepada kebahagiaan, kemakmuran dan ketenangan. Jika demikian, maka alangkah jauhnya dari jiwa talbiah orang-orang yang berpaling dari syiar iman dan menjadikan musuh sebagai alat untuk membunuh saudara-saudaranya orang-orang mukmin sendiri! Alangkah jauhnya mereka itu dari jiwa Talbiah dan dari barisan kaum mukminin.

Sesungguhnya iman itu mem-

punyai hak-hak yang merupakan kewajiban bagi kaum mukminin. Maka barangsiapa yang tidak memenuhi kewajibannya sebagai seorang yang beriman, maka imannya akan jauh dari hatinya, akan jauh dari kehidupannya. Barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada musuh saudara-saudaranya yang beriman, maka ia telah memutuskan apa yang diperintahkan Allah s.w.t. untuk dihubungkan, telah mengkhianati janji Allah, dan dia adalah lebih buruk daripada orang-orang dahulu yang mengucapkan syirik dalam Talbiah dan terang-terangan menjadi kafir.

Maka pegang-teguhlah syiar agamamu ini, hai kaum muslimin, ber-


sihkanlah dirimu dari menerima ajakan musuh, musuh agama dan musuh Allah, sebagaimana nenek moyangmu di masa dahulu telah membersihkan Talbiahnya dari syirik tauhid dan syirik iman, dan ucapkanlah Talbiah ini bersama-samaku dengan suara lantang yang bergema sampai ke segala penjuru.

• لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ


Maksudnya:-

“Labbaika Allahumma labbaika.”

DARI: TUNTUNAN ISLAM.
PROF. MAHMUD SYALTOUT



Disekitar tempat bersa'i di Mekah.



MUTIARA HIKMAT

SABAR boleh dibahagikan kepada lapan bahagian:-

1. SABAR dari shahwat badan adalah memadai atau merasa cukup.
2. SABAR ketika ditimpa bencana dan bala, yakin dengan kehendak Allah.
3. SABAR ketika ditimpa sesuatu adalah menahan diri.
4. SABAR ketika dalam peperangan adalah berani.
5. SABAR ketika marah adalah berlembut hati.
6. SABAR ketika memegang rahsia adalah amanah.
7. SABAR ketika menunggu sesuatu yang berlaku adalah berhati-hati.
8. SABAR ketika menerima dugaan adalah iman.

Petikan dari:
MAJALAH DAKWAH

لَقَدْ اعَزَّكُمُ اللّٰهُ بِالْاِسْلَامِ
فَمَهْمَا تَطَلَبُوْا الْعِزَّةَ بِخَيْرِهِ
يُذَلِّكُمْ اللّٰهُ

(عمر ابن الخطاب)

CUMA ISLAM

Sungguh

Kalian telah dimuliakan Allah
Disebabkan kerana Islam.

Masihkan mau mengejar kemuliaan!!
Di luar itu?
pasti Allah menghinakan kalian!!

(UMAR BIN KHATTAB AL FARUQ)
Dari: Panji Masyarakat

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَى
(البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

TERHAD UNTUK PARA AHLI SAHAJA

Ibu Pejabat,
Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993, 082-443994 ext. 11 atau 31

Dadah: Diri Yang Terbuang

CESAH
SEBELUM PARAH